Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2004

TINJAUAN

Momentum pertumbuhan semakin kukuh

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh dengan pertumbuhan KDNK benar terus meningkat dengan lebih pesat sebanyak 8% pada suku kedua, berbanding 7.6% pada suku pertama 2004. Permintaan agregat sektor swasta adalah lebih kukuh dan diperkuat oleh pertumbuhan permintaan luar negeri yang pesat. Permintaan dalam negeri yang bertambah mantap adalah berikutan penggunaan isi rumah yang lebih kukuh dan aktiviti pelaburan swasta yang semakin memberangsangkan ketika sektor awam meneruskan konsolidasinya. Sektor swasta terus menjadi pemacu pertumbuhan yang utama dengan memberi sumbangan yang ketara ke atas pertumbuhan KDNK benar.

Pertumbuhan ekonomi terus meluas dengan diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor perkilangan terus kukuh pada kadar pertumbuhan 12.1% (S1 2004: 12.7%). Industri yang berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing mencatat peningkatan yang mantap sebanyak 18.3% dan 8%. Dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan yang lebih tinggi dicatat oleh industri elektronik, keluaran kimia serta keluaran getah. Perkembangan yang kukuh dalam industri elektronik adalah disebabkan terutamanya

Pertumbuhan KDNK lebih tinggi pada S2 2004



oleh permintaan yang tinggi untuk barangan elektronik pengguna dan peralatan komunikasi. Perkembangan ini telah menghasilkan kesan limpahan yang positif ke atas pertumbuhan industri keluaran kimia, terutama resin dan keluaran plastik yang membekalkan input kepada industri elektronik. Sementara itu, permintaan luar negeri yang mapan untuk sarung tangan terus menyokong peningkatan dalam industri keluaran getah. Bagi industri berorientasikan dalam negeri, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh telah mendorong pertumbuhan industri keluaran makanan, keluaran logam yang direka dan industri besi dan keluli serta industri kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan terus meningkat dengan lebih pesat pada kadar 7.4% (S1 2004: 6.2%) dengan perkhidmatan akhir dan pengantara masing-masing mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.3% dan 7.6% (S1 2004: masing-masing 5.4% dan 7.4%). Pertumbuhan dalam segmen perkhidmatan akhir, terutama subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran adalah lebih kukuh disebabkan sebahagiannya oleh kesan gandingan daripada peningkatan yang kukuh dalam aktiviti pelancongan serta penggunaan dalam negeri dan sebahagian lagi oleh kesan asas yang rendah. Dalam segmen perkhidmatan pengantara, subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi terus mencatat pertumbuhan yang kukuh disebabkan oleh aktiviti berkaitan perdagangan dan yang berkaitan dengan perjalanan serta pengembangan yang memberangsangkan dalam industri telekomunikasi. Aktiviti pemberian pinjaman bank dan insurans serta urus niaga harta benda yang lebih tinggi terus menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Pertumbuhan sektor pertanian kekal mapan pada kadar 3.2%, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi getah dan aktiviti pertanian lain seperti ternakan dan perikanan. Kenaikan tersebut lebih daripada mengimbangi kemerosotan dalam pengeluaran minyak sawit yang disebabkan oleh hasil keluaran yang lebih rendah. Sementara itu, sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.1%, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah berikutan penutupan sementara beberapa buah medan minyak dan gas serta loji untuk tujuan penyelenggaraan.

Sektor pembinaan merosot sebanyak 1.7% disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kesan kemerosotan ini dikurangkan sebahagiannya oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman. Kadar faedah yang rendah, pendapatan yang lebih tinggi dalam keadaan harga komoditi yang menggalakkan dan pasaran pekerja yang stabil menyokong permintaan terhadap harta benda kediaman. Peningkatan subsektor bukan kediaman adalah disebabkan terutamanya oleh sentimen perniagaan dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik, yang mendorong permintaan dalam segmen kedai runcit dan pejabat. Secara keseluruhan, aktiviti pembinaan dijangka mendapat faedah daripada peruntukan tambahan sebanyak RM10 bilion bagi perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Meskipun konsolidasi fiskal masih diteruskan, pertumbuhan permintaan dalam negeri terus kukuh pada suku kedua 2004, seiring dengan kepesatan dalam aktiviti sektor swasta. Pertumbuhan penggunaan swasta meningkat dengan ketara kepada 11.4% (S1 2004: 8.4%), disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, keyakinan pengguna yang bertambah baik, kadar inflasi dan kadar faedah yang rendah serta keadaan guna tenaga yang stabil. Sejajar dengan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskalnya, penggunaan awam meningkat dengan sederhana manakala

pelaburan awam terus perlahan. Sementara itu, pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 3.5% (S1 2004: 3.5%), dirangsang keseluruhannya oleh aktiviti pelaburan swasta yang lebih mantap memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus menurun. Defisit fiskal adalah sebanyak 4.5% daripada KDNK pada suku kedua.

Inflasi terus berada pada paras yang rendah sebanyak 1.2% pada suku kedua. Pengembangan kapasiti baru dalam sektor yang mencatat pertumbuhan yang mantap, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan tekanan persaingan yang semakin meningkat telah menyumbang ke arah pengekangan tekanan harga dalam persekitaran pertumbuhan yang kukuh.

Perkembangan dalam imbangan pembayaran juga mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah kukuh. Lebihan perdagangan yang besar telah mengecil sedikit (S2 2004: RM18.1 bilion; S1 2004: RM19.3 bilion) berikutan peningkatan dalam import barangan pengantara dan modal berikutan pelaburan yang semakin kukuh dan pengembangan kapasiti. Pertumbuhan eksport kasar sebanyak 22% adalah disebabkan oleh peningkatan yang lebih kukuh dalam eksport barangan perkilangan dan komoditi. Trend pertumbuhan eksport perkilangan yang bertambah mantap mencerminkan permintaan luar negeri yang kukuh bagi keluaran elektrik dan elektronik, keluaran kimia dan keluaran getah. Kecuali eksport minyak sawit dan kayu balak yang didorong secara keseluruhan oleh harga yang kukuh, peningkatan yang lebih tinggi dalam eksport komoditi pertanian utama lain dan galian adalah disebabkan oleh harga dan jumlah dieksport yang meningkat, terutamanya getah, minyak mentah dan gas asli cecair.

Peningkatan import kasar yang lebih besar sebanyak 32.1% mencerminkan permintaan penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih kukuh, keluaran perkilangan yang semakin meningkat serta penggunaan sumber luar yang bertambah dari negara serantau bagi mengurangkan kos input untuk industri elektrik dan elektronik. Seiring dengan permintaan luar negeri yang kukuh untuk keluaran elektronik, import barangan pengantara mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 31.6%. Sejajar dengan trend pertumbuhan pelaburan swasta yang meningkat, import barangan modal terus berkembang sebanyak 27.6%. Peningkatan dalam import barangan modal mencerminkan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan serta minyak dan gas. Import barangan penggunaan meningkat dengan pesat sebanyak 26.5%, mencerminkan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Satu lagi perkembangan penting pada suku kedua adalah pertumbuhan yang kukuh dalam import untuk pengeksportan semula, yang melibatkan aktiviti pembungkusan dan pemasangan di kawasan pengagihan yang terletak di zon komersial bebas di pelabuhan-pelabuhan utama. Tidak termasuk eksport semula, import meningkat sebanyak 30%.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) kekal tinggi

dan disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit. Sektor perkilangan, terutama elektrik dan elektronik, aktiviti pengilangan yang berkaitan dengan petroleum dan kimia serta sektor minyak dan gas terus menarik aliran masuk FDI.

Dengan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan tinggi, aliran masuk FDI dan dana portfolio yang mapan serta penggunaan pinjaman luar negeri, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak AS$2.5 bilion kepada AS$53.9 bilion pada akhir Jun 2004. Paras rizab antarabangsa terus meningkat kepada AS$54.4 bilion pada 14 Ogos 2004, cukup untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Pengembangan kukuh pembiayaan sektor swasta

Mudah tunai yang mencukupi dan kadar faedah semasa yang rendah menyokong keperluan pembiayaan sektor swasta secara efektif. Pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara sebanyak 8.7% pada suku kedua 2004. Pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan terus meningkat sebanyak 14.8% pada suku kedua (S1 2004: 14.4%) dengan pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada perniagaan kekal menyeluruh dengan pembiayaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, sektor restoran dan hotel serta sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat pada suku kedua. Sejumlah RM8.3 bilion diluluskan kepada 22,161 akaun PKS (S1 2004: RM5.7 bilion kepada 18,703 akaun). Sementara pemberian pinjaman kepada isi rumah terus mapan pada suku kedua, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar sektor tersebut masih pada paras terkawal iaitu 7.6% pada akhir Jun 2004 (7.9% pada akhir Mac).

Perkembangan yang ketara pada suku kedua ialah pengenalan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Kadar Dasar Semalaman (KDS) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan yang sebelum ini digunakan sebagai penunjuk teras dasar monetari. KDS ditetapkan mengikut kadar antara bank semasa sebanyak 2.70%, mencerminkan rangka kerja kadar faedah baru tidak merupakan perubahan dalam teras dasar monetari. Peralihan kepada rangka kerja baru berjalan lancar dengan peserta pasaran memberi respons seperti yang dijangkakan. Purata berwajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil dengan purata 2.70% pada tempoh 26 April - 19 Ogos.

Rangka kerja kadar faedah baru turut menghapuskan formula kadar pinjaman asas (BLR). Setiap institusi perbankan kini mengumumkan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Berikutan hanya sebuah bank sahaja yang menurunkan kadar BLRnya, purata BLR bank perdagangan menurun sedikit, iaitu kepada 5.98%, sementara purata

BLR syarikat kewangan kekal tidak berubah pada paras 6.90% sehingga 15 Ogos 2004. Kadar berian pinjaman (ALR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun pada suku kedua dan pada akhir Julai 2004, masing-masing pada paras 6.00% dan 8.69% (masing-masing pada paras 6.10% dan 8.95% pada akhir Mac). Ini mencerminkan bahagian pinjaman baru yang lebih besar pada kadar faedah yang lebih rendah.

Sistem perbankan yang teguh

Sistem perbankan kekal teguh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada paras 13.8% pada akhir Jun 2004. Keuntungan sistem perbankan terus meningkat dengan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.3 bilion, berikutan pendapatan yang lebih tinggi dan peruntukan yang lebih rendah telah mengimbangi peningkatan dalam kos operasi pada suku kedua. Pulangan tahunan ke atas aset dan ekuiti purata sistem perbankan adalah lebih tinggi masing-masing pada paras 1.6% dan 18.7%. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada 6.2% pada akhir Jun 2004 disebabkan oleh pemulihan pinjaman dan pengelasan semula yang lebih tinggi serta insiden NPL baru yang lebih rendah.

Jangkaan pertumbuhan yang mapan pada separuh tahun kedua

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi global pada separuh pertama 2004 adalah lebih baik daripada jangkaan. Pertumbuhan KDNK pada separuh tahun pertama adalah lebih tinggi daripada jangkaan dan lebih seimbang mengikut rantau. Walaupun penunjuk ekonomi menjurus kepada pertumbuhan global yang agak sederhana pada separuh tahun kedua, pertumbuhan global masih dijangka kekal kukuh, disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam permintaan pengguna dan pelaburan. Di Amerika Syarikat, keadaan pasaran pekerja yang positif menunjukkan pertumbuhan dalam negerinya yang lebih mapan pada separuh tahun kedua. Di Asia, pemulihan di Jepun berterusan, sementara pertumbuhan di R.R.China kekal tinggi. Pengembangan berterusan bagi perdagangan intraserantau dan permintaan dalam negeri serta prospek ekonomi global yang menggalakkan dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi serantau.

Suasana ekonomi global menjadi semakin mencabar dengan harga tenaga yang lebih tinggi, kadar faedah yang semakin meningkat dan pertumbuhan yang lebih sederhana sedikit di negara-negara ekonomi utama. Berdasarkan penilaian kami, kesan daripada risiko ke atas pertumbuhan global pada tahun 2004 adalah sederhana. Walaupun harga minyak dijangka kekal tinggi disebabkan kebimbangan mengenai gangguan bekalan, ekonomi global mempunyai kapasiti yang lebih besar untuk mengawal kos tenaga yang tinggi berikutan keadaan ekonomi yang lebih baik, pendapatan yang lebih tinggi, prospek pekerjaan yang bertambah baik dan penggunaan tenaga yang lebih cekap. Di Amerika Syarikat, peningkatan kadar faedah yang beransur-ansur ke arah dasar yang lebih neutral akan memastikan pertumbuhan yang mapan. Tanda-tanda semasa bahawa R.R.

China akan berjaya memperlahankan pertumbuhan ekonominya, di samping permintaan dalam negeri yang mapan di negara serantau memberi kesan positif kepada Malaysia. Secara keseluruhan, dengan adanya keseimbangan dalam risiko, prospek pertumbuhan dijangka terus mapan.

Persekitaran luar negeri yang menggalakkan dijangka terus memperkukuh pertumbuhan permintaan dalam negeri di Malaysia. Penunjuk masa hadapan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang kukuh dan mapan. Indeks Penunjuk Pelopor juga menunjukkan ekonomi akan terus berkembang pada separuh tahun kedua. Dalam sektor perkilangan, permintaan bagi separa konduktor dijangka kekal kukuh berikutan peningkatan penggunaan cip dalam pelbagai bentuk aplikasi, terutama aplikasi yang berkaitan dengan pengguna. Malaysia akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan dalam elektronik pengguna dan komunikasi memandangkan sebahagian besar daripada keluaran elektroniknya menggunakan aplikasi sedemikian. Dalam sektor perkhidmatan, pengembangan subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran, serta subsektor pengangkutan dan komunikasi dijangka terus meningkat berikutan jumlah ketibaan pelancong yang besar dan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan yang bertambah pesat.

Keyakinan pengguna dan peniaga yang semakin baik, harga komoditi yang menggalakkan, keadaan pekerjaan yang stabil dan pendapatan yang semakin meningkat dijangka terus menyokong pertumbuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Terdapat potensi untuk penggunaan menjadi lebih tinggi bagi menyokong pertumbuhan tanpa menjejaskan pembiayaan pelaburan swasta daripada sumber dalam negeri. Ini berikutan tabungan yang tinggi serta pendapatan dan mudah tunai yang semakin meningkat dalam sistem perbankan. Keadaan pembiayaan yang menggalakkan dan keuntungan korporat yang bertambah baik serta pertumbuhan permintaan luar negeri yang mapan akan menyokong pelaburan swasta pada separuh tahun kedua. Dalam sektor perniagaan, penunjuk masa hadapan serta permohonan dan kelulusan pinjaman oleh sistem perbankan meningkat dengan lebih nyata pada suku kedua. Secara keseluruhan, pertumbuhan akan terus dipacu oleh sektor swasta dengan konsolidasi yang berterusan.

Asas ekonomi Malaysia terus kukuh dengan kadar inflasi yang rendah, keadaan pasaran pekerja yang stabil, sistem perbankan yang teguh dan rizab luar negeri yang semakin meningkat. Peningkatan dalam kapasiti dan daya saing ekonomi dalam negeri akan membendung tekanan harga dalam persekitaran pertumbuhan yang kukuh. Oleh itu, dasar monetari akan kekal akomodatif. Sokongan daripada suasana di luar negara dan keadaan dalam negeri yang memberangsangkan memastikan pertumbuhan akan kekal kukuh pada separuh tahun kedua. Berdasarkan prestasi pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.8% pada separuh tahun pertama, pertumbuhan bagi keseluruhan tahun ini dijangka melebihi unjuran pertumbuhan yang dibuat sebelum ini.

PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KEDUA 2004

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan KDNK yang mapan meliputi kesemua negara serantau

Aktiviti ekonomi global terus teguh pada suku kedua, disokong oleh pertumbuhan yang memberangsangkan di Amerika Syarikat, pemulihan ekonomi yang berterusan di Jepun dan Eropah dan pertumbuhan yang menyeluruh di Asia. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di Repubik Rakyat China (R.R. China) sungguhpun meningkat dengan sederhana tetapi masih berada pada paras yang tinggi.

Di **Amerika Syarikat**, pertumbuhan pada suku kedua terus kukuh walaupun lebih perlahan. Pertumbuhan tersebut disokong oleh pelaburan perniagaan dan pertambahan inventori yang lebih tinggi, sementara penggunaan tenaga yang cekap mengurangkan kesan negatif akibat kenaikan harga tenaga ke atas perbelanjaan pengguna. Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang mapan dan jangkaan terhadap inflasi yang meningkat, *Federal Reserve* telah menaikkan kadar faedah pada bulan Jun, yang memberi petanda bahawa teras dasar monetari adalah kurang akomodatif. Di **kawasan euro**, walaupun perbelanjaan pengguna adalah lemah dan reformasi struktur tidak menentu, pemulihan ekonomi terus diperkukuh oleh rangsangan fiskal dan prestasi eksport yang mantap. Pertumbuhan di **United Kingdom** mencatat perkembangan tertinggi dalam tempoh hampir empat tahun, didorong oleh perbelanjaan pengguna yang tinggi dan aktiviti sektor perkhidmatan, perkilangan dan perumahan yang kukuh. Di **Jepun**, meskipun perbelanjaan modal agak sederhana, permintaan eksport yang lebih kukuh terus mendorong pemulihan ekonomi, sementara pertumbuhan sumber dalam negeri kekal menggalakkan dengan penggunaan sektor swasta semakin baik berikutan pasaran pekerja yang lebih stabil.

Negara-negara maju: Pertumbuhan KDNK benar

	2003		2004		Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan S2
	S1	S2	S1	S2	
	Perubahan tahunan (%)				
US[1]	1.9[s]	4.1[s]	4.5[s]	3.0	Pelaburan dan penambahan inventori, sedangkan perbelanjaan pengguna adalah sederhana.
UK	2.1	2.0	3.4	3.7	Aktiviti kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan terpantas dalam tempoh empat tahun.
Jerman	0.4	-0.3	0.4	0.5	Prestasi eksport yang kukuh walaupun pengguna berhati-hati berbelanja serta sentimen tak menentu mengenai reformasi struktur.
Jepun[1]	2.2	3.5[s]	6.6	1.7	Walaupun perbelanjaan modal menyederhana, peningkatan eksport serta permintaan sektor swasta yang bertambah baik terus menerajui pemulihan.

1 berasaskan kadar tahunan
s semak semula
Sumber: Sumber Negara

Di **rantau Asia**, momentum pertumbuhan kekal kukuh pada suku kedua, disokong terutamanya oleh eksport dalam sektor teknologi yang berdaya tahan dan perdagangan serantau yang menggalakkan.

Inflasi di rantau ini meningkat dengan mendadak pada suku kedua, mencerminkan terutamanya harga makanan yang lebih tinggi

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK benar

	2003		2004		Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan S2
	S1	S2	S1	S2	
	Perubahan tahunan (%)				
Republik Rakyat China	9.9	7.9	9.8	9.6	Pertumbuhan meluas yang berterusan didorong oleh kekukuhan jualan runcit dan eksport.
Singapura	1.7	-3.9	7.5	12.5	Sektor perindustrian dan perkhidmatan mencatat pengembangan dua angka.
Korea	3.7	2.2	5.3	5.5	Pengembangan dalam pelaburan dan sektor eksport yang mapan.
Indonesia	5.5	4.8	5.0	4.3	Disokong oleh penggunaan dan pelaburan persendirian.

Sumber: Sumber Negara

dan harga minyak mentah global yang terus meningkat. Di Indonesia dan Filipina, kelemahan mata wang dalam negeri meningkatkan lagi tekanan terhadap inflasi. Sementara itu, arah aliran deflasi di Hong Kong China terus reda berikutan kenaikan perbelanjaan pengguna, pertumbuhan industri pelancongan yang mapan dan penurunan kadar pengangguran. Meskipun tekanan inflasi meningkat, kadar faedah di rantau ini secara relatif kekal rendah berikutan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi di hampir kesemua negara serantau.

Sementara itu, kekukuhan pasaran ekuiti dunia semakin lembap pada suku kedua berikutan kebimbangan mengenai perolehan korporat dan kenaikan kadar faedah. Pasaran ekuiti Asia juga terjejas oleh kebimbangan tentang kemungkinan penurunan mendadak pertumbuhan ekonomi R.R. China.

Perkembangan ekonomi global masa hadapan dijangka meningkat dengan sederhana memandangkan momentum pertumbuhan seterusnya mungkin dipengaruhi oleh sejauh mana harga minyak yang secara berterusan meningkat memberi kesan ke atas penggunaan di negara-negara maju. Sementara itu, prospek pertumbuhan di rantau Asia dijangka terus menggalakkan dalam suasana perdagangan intraserantau yang pesat dan asas permintaan dalam negeri yang kukuh di kebanyakan negara serantau.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan dipacu oleh perkembangan yang kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pada suku kedua, pertumbuhan hampir kesemua sektor ekonomi kekal mapan dengan pertumbuhan yang memberangsangkan dicatat oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Prestasi sektor perkilangan yang memberangsangkan adalah sejajar dengan permintaan yang kukuh berikutan kitaran menaik permintaan elektronik global semasa serta pertumbuhan ekonomi global yang bertambah baik. Peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pemunggahan serta telekomunikasi juga mendorong pertumbuhan sektor perkhidmatan, terutama subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sementara itu, subsektor perkhidmatan akhir meningkat pada kadar yang lebih tinggi, didorong oleh aktiviti penggunaan dan pelancongan yang kukuh. Kesemua perkembangan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan sebanyak 7.4%. Selain mempunyai asas pertumbuhan yang kukuh dalam kesemua subsektor, pertumbuhan sektor perkhidmatan sebahagiannya disebabkan oleh asas pertumbuhan yang

rendah pada suku kedua 2003 akibat wabak SARS. Sementara pertumbuhan sektor pertanian kekal mapan, sektor perlombongan pula meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Sektor pembinaan menguncup pada suku kedua disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih lembap.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	10.7	7.8	3.2	3.2	3.2
Perlombongan	13.0	8.7	5.8	1.1	3.5
Perkilangan	6.5	6.2	12.7	12.1	12.3
Pembinaan	1.4	1.3	0.6	-1.7	-0.6
Perkhidmatan	3.4	4.1	6.2	7.4	6.8
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**4.6**	**4.6**	**7.6**	**8.0**	**7.8**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**4.3**	**-1.8**	**-3.7**	**4.6**	**-0.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan terus kukuh dalam sektor perkilangan

Pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** terus kukuh pada kadar 12.1% (S1: 12.7%). Pengembangan yang pesat terus dicatat oleh industri berorientasikan eksport (18.3%; S1:19.3%) dan industri berorientasikan dalam negeri (8%; S1: 7.6%). Meskipun pelaburan dalam pembinaan kapasiti adalah tinggi, kadar penggunaan kapasiti secara keseluruhan masih tinggi pada paras 81%, dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 85% dan 74%.

Pengembangan industri berorientasikan eksport yang kekal kukuh didorong terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri elektronik (32.7%), keluaran kimia (18.7%) dan keluaran getah (20.9%). Khususnya, industri elektronik disokong oleh permintaan global terhadap separa konduktor yang mantap, disebabkan terutamanya oleh penggunaan cip yang lebih meluas dalam bidang komunikasi dan barangan elektronik pengguna seperti pemain DVD dan kamera digital. Perkembangan ini juga menghasilkan kesan limpahan ke atas industri kimia, terutama industri yang membekalkan input kepada industri keluaran elektrik dan elektronik seperti barangan berasaskan plastik dan resin. Hasilnya, industri keluaran kimia terus berkembang sebanyak 18.7% (S1: 16.9%; pertumbuhan melebihi 20% pada tahun 2003).

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Industri keluaran getah terus mencatat pertumbuhan yang tinggi, disokong oleh permintaan eksport yang kekal memberangsangkan untuk keluaran getah seperti sarung tangan getah untuk pembedahan dan pemeriksaan untuk kegunaan dalam sektor makanan, perubatan dan industri. Sementara itu, industri berorientasikan dalam negeri terus kukuh, disebabkan sebahagian besarnya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri

keluaran makanan (8.4%), keluaran logam yang direka (27.8%), besi dan keluli (9.2%) serta pertumbuhan yang sederhana dalam industri kelengkapan pengangkutan (8%). Pengeluaran industri keluaran makanan yang lebih tinggi sebahagian besarnya mencerminkan penggunaan swasta yang lebih mantap, sementara pengukuhan dalam industri yang berasaskan logam didorong oleh permintaan yang lebih pesat dari AS dan Negeri Thai. Industri kelengkapan pengangkutan meningkat dengan sederhana hasil daripada jualan kenderaan penumpang yang lebih tinggi.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (harga malar)	**6.5**	**6.2**	**12.7**	**12.1**	**12.3**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.2**	**7.9**	**16.5**	**15.9**	**16.2**
Industri berorientasikan eksport	**10.0**	**9.0**	**19.3**	**18.3**	**18.8**
antaranya:					
- Elektronik	7.0	7.8	34.1	32.7	33.4
- Barangan Elektrik	-7.6	-6.1	-6.9	-7.1	-7.0
- Tekstil & pakaian	2.3	1.6	-10.8	-6.6	-8.7
- Bahan kimia dan keluaran kimia	23.8	20.0	16.9	18.7	17.8
- Pemprosesan luar estet	27.3	16.0	3.3	-6.0	-1.8
- Keluaran getah	14.3	11.9	24.1	20.9	22.5
- Kayu dan keluaran kayu [1]	-0.4	1.8	13.9	20.8	17.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**3.3**	**4.8**	**7.6**	**8.0**	**7.8**
antaranya:					
- Kelengkapan pengangkutan	-13.5	-10.1	0.8	8.0	4.4
- Keluaran logam yang direka	7.9	6.0	35.4	27.8	31.2
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	0.8	8.1	6.2	9.2	7.7
- Keluaran galian bukan logam	11.4	10.7	-1.2	-8.9	-5.2
- Keluaran petroleum	17.5	9.3	-1.9	-5.5	-3.7
- Makanan	7.3	6.4	7.3	8.4	7.9
Jumlah Eksport Perkilangan	**7.2**	**6.9**	**17.3**	**20.5**	**19.0**
- Elektronik dan barangan elektrik	3.9	2.3	14.9	17.8	16.4
- Keluaran kayu	5.5	9.1	28.2	32.3	30.3
- Barangan perabot	5.1	6.9	14.5	14.8	14.6
- Tekstil, pakaian & kasut	3.3	5.7	16.6	19.2	17.9
- Peralatan optikal & saintifik	15.8	17.4	11.4	33.2	22.8
- Bahan kimia dan keluaran kimia	22.6	27.7	25.2	27.2	26.3
- Keluaran petroleum	23.8	44.5	20.0	25.3	22.4

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih pesat

Sektor perkhidmatan meneruskan arah aliran yang meningkat untuk mencatat pertumbuhan yang pesat sebanyak 7.4% pada suku kedua, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan yang terus meningkat, perbelanjaan pengguna yang kukuh dan pertumbuhan yang pesat dalam ketibaan pelancong. Paling ketara ialah subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran yang mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 10%, disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang rendah berikutan wabak SARS pada suku yang sama tahun lepas (S2 2003: -2.3%). Subsektor ini turut mendapat manfaat daripada permintaan dalam negeri yang lebih tinggi dan peningkatan yang ketara dalam ketibaan pelancong antarabangsa (S2 2004: 1.3 juta pelancong setiap bulan; S2 2003: 0.6 juta pelancong setiap bulan). Yang penting, terdapat peningkatan yang agak ketara dalam bilangan pelancong yang berbelanja besar, terutama dari R.R. China, China Taipei dan Asia Barat. Di dalam negeri, perbelanjaan rakyat Malaysia kekal kukuh, seperti yang dicerminkan oleh perbelanjaan menggunakan kad kredit dan kredit penggunaan yang dikeluarkan pada suku kedua 2004.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**4.9**	**4.8**	**7.4**	**7.6**	**7.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	4.0	4.6	7.8	8.4	8.1
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	5.4	5.0	7.2	7.1	7.1
Perkhidmatan Akhir	**2.3**	**3.5**	**5.4**	**7.3**	**6.4**
Elektrik, gas & air	5.2	6.3	8.8	8.8	8.8
Perniagaan borong & runcit, hotel & restoran	-2.3	0.4	5.8	10.0	7.9
Perkhidmatan Kerajaan	10.3	9.2	3.2	2.2	2.7
Perkhidmatan lain	2.2	2.9	5.1	6.4	5.7
Jumlah Perkhidmatan	**3.4**	**4.1**	**6.2**	**7.4**	**6.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

Penunjuk	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Tahap				
Indeks Pengeluaran Elektrik	244.4	237.7	248.9	266.8	257.9
BSKL IK (akhir tempoh)	692.0	692.0	901.9	819.9	819.9
Indeks Sentimen Pengguna MIER	106.9	-	117.5	112.4	-
Indeks Kajiselidik Runcit MIER	96.3	-	119.3	137.0	-
Indeks Pengusaha Hotel MIER	81.3	-	134.5	142.5	-
Indeks Agensi Pelancongan MIER	73.3	-	124.9	119.7	-
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancongan	-51.6	-30.7	38.4	127.4	71.7
Import barangan pengguna	-2.7	0.8	14.3	26.5	20.5
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	1.9	2.5	13.0	17.5	15.3
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	-15.9	-3.7	10.9	44.6	26.0
Jumlah TEU yang dikendali [1]	18.9	19.0	15.8	17.8	16.9
Jumlah baki pinjaman (akhir tempoh)	4.2	4.2	5.7	6.2	6.2
Jumlah urusniaga harta tanah (nilai)	-1.3	0.9	30.1	52.7	41.8

[1] Untuk Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang
Sumber: Pelbagai sumber

Sementara itu, subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti-aktiviti berkaitan perdagangan dan perjalanan serta pengembangan yang memberangsangkan dalam industri telekomunikasi. Bilangan pelanggan yang meningkat dan penggunaan perkhidmatan data mudah alih yang lebih tinggi ketika terdapat pelancaran produk baru dan kemudahan kendalian bersama Perkhidmatan Pesanan Multimedia (MMS), telah menyokong pertumbuhan industri telekomunikasi pada suku kedua.

Pertumbuhan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal kukuh. Pemberian pinjaman bank terus meningkat sementara pertumbuhan dalam industri insurans yang kekal kukuh didorong oleh pertambahan minat terhadap produk insurans yang berkaitan pelaburan. Subsektor ini juga disokong oleh peningkatan aktiviti di pasaran saham dan urus niaga harta benda yang lebih tinggi untuk mengambil peluang daripada insentif yang sedia ada di bawah Pakej Ekonomi Mei 2003, yang tamat pada bulan Mei 2004.

Sektor komoditi utama terus menyumbang kepada pertumbuhan

Pertumbuhan sektor pertanian kekal mapan pada kadar 3.2%, terutamanya hasil daripada pengeluaran getah dan aktiviti pertanian lain yang lebih tinggi, yang lebih daripada mengimbangi kemerosotan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Getah dan pertanian lain secara berkumpulan mencakupi 65% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian. Sektor perlombongan pula mencatat pertumbuhan sederhana pada suku tersebut, berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Di **sektor pertanian**, pengeluaran getah terus meningkat dengan kukuh pada kadar 32.9%, disebabkan oleh aktiviti menoreh yang aktif di kalangan pekebun kecil, yang mencakupi hampir 95% daripada keseluruhan keluaran getah negara, ketika keadaan harga kekal pada paras yang menguntungkan pada purata 476 sen sekilogram (S2 2003: 325 sen sekilogram). Pertumbuhan sektor pertanian turut disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam aktiviti pertanian yang lain, seperti ternakan, perikanan dan sayur-sayuran serta buah-buahan. Sebaliknya, pengeluaran minyak sawit mentah merosot sebanyak 5.9% pada suku tersebut (S1 2004: +2.5%) disebabkan

oleh hasil keluaran yang lebih rendah. Hasil keluaran purata seperti yang diukur oleh pengeluaran tandan buah segar adalah lebih rendah dengan ketara sebanyak 4.3 tan bagi setiap hektar kawasan matang berbanding 4.96 tan pada suku yang sama tahun 2003. Oleh itu, purata pengeluaran bulanan minyak sawit mentah adalah lebih rendah sebanyak 1.09 juta tan (S2 2003: 1.16 juta tan).

Prestasi Sektor Pertanian

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**10.7**	**7.8**	**3.2**	**3.2**	**3.2**
Pengeluaran [1] *antaranya:*					
Minyak sawit mentah	27.4	14.2	2.5	-5.9	-2.3
Minyak isirung sawit mentah	29.0	11.3	3.8	-10.9	-4.4
Getah	9.7	12.7	23.4	32.9	27.6
Kayu balak	10.6	12.6	-20.1	-16.4	-18.0
Biji koko	-14.4	2.8	-33.5	-8.5	-22.5
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**33.7**	**37.4**	**13.8**	**11.4**	**12.5**
Minyak sawit					
('000 tan)	15.6	12.7	5.1	-12.7	-4.8
(RM/tan)	24.8	32.1	6.5	16.9	11.9
(RM juta)	44.4	48.9	11.9	2.1	6.6
Minyak isirung sawit					
('000 tan)	7.1	-15.6	35.4	20.4	26.9
(RM/tan)	17.2	33.2	27.8	61.6	45.6
(RM juta)	25.6	12.4	73.1	94.5	84.8
Getah					
('000 tan)	-5.4	3.0	23.4	12.1	17.7
(sen/kilogram)	51.0	53.6	36.5	35.9	36.1
(RM juta)	42.9	58.2	68.4	52.3	60.1
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	57.7	34.0	2.8	-28.0	-16.7
(RM/meter padu)	-34.0	-21.1	-9.6	31.9	12.9
(RM juta)	4.0	5.8	-7.1	-5.0	-6.0
Kayu balak					
('000 meter padu)	24.2	19.0	-13.5	-11.0	-12.1
(RM/meter padu)	9.1	15.1	1.0	19.6	11.3
(RM juta)	35.5	36.9	-12.6	6.4	-2.1
Biji koko					
('000 tan)	-38.0	-11.8	-76.0	-8.3	-42.3
(RM/tan)	37.2	43.3	-20.3	-12.9	-14.0
(RM juta)	-14.9	26.4	-80.9	-20.1	-50.4

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah menyebabkan pertumbuhan **sektor perlombongan** menjadi lebih perlahan, iaitu sebanyak 1.1%. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.2%. Purata pengeluaran minyak mentah adalah sebanyak 738,400 tong sehari pada suku tersebut (S1 2004: 772,800 tong sehari; S2 2003: 740,100 tong sehari) disebabkan oleh penutupan sementara beberapa buah loji dan medan minyak dan gas untuk tujuan penyelenggaraan. Walaupun penyelenggaraan berjadual tersebut turut memberi kesan kepada pengeluaran gas asli, namun jumlah pengeluaran komoditi tersebut meningkat sebanyak 4% berbanding suku yang sama tahun lepas. Kenaikan tersebut adalah selaras dengan peningkatan dalam pengeluaran loji MLNG Tiga, berikutan permintaan gas asli cecair yang kian meningkat, terutama daripada pembeli utama seperti Korea, China Taipei dan Jepun.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**13.0**	**8.7**	**5.8**	**1.1**	**3.5**
Pengeluaran *antaranya:*					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	11.8	6.9	8.0	-0.2	3.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	17.7	12.8	2.3	4.0	3.1
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**34.9**	**45.0**	**15.4**	**43.6**	**28.2**
Minyak mentah					
('000 tan)	1.7	3.9	4.1	4.5	4.3
(AS$/tong)	16.0	36.8	4.4	33.6	17.7
(RM juta)	18.0	42.1	8.6	39.6	22.7
Gas asli cecair					
('000 tan)	40.6	19.2	18.3	34.1	25.5
(RM/tan)	26.3	31.5	-2.3	1.5	-0.5
(RM juta)	77.6	56.8	15.6	36.0	24.8

Sektor pembinaan merosot

Sektor pembinaan merosot sebanyak 1.7% pada suku kedua 2004 (S1 2004: 0.6%)

disebabkan oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Namun, kesan kemerosotan ini dikurangkan sebahagiannya oleh aktiviti yang lebih pesat dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman. Permintaan untuk rumah kediaman terus kukuh, disokong oleh kadar faedah yang rendah dan suasana pasaran pekerja yang stabil. Pengembangan dalam subsektor bukan kediaman didorong oleh aktiviti dalam segmen kedai runcit dan pejabat. Secara keseluruhan, aktiviti pembinaan dijangka mendapat faedah daripada peruntukan tambahan sebanyak RM10 bilion bagi perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Penunjuk Pembinaan

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-16.7	-20.1	42.0	0.7	18.1
Kelulusan perumahan	0.8	-13.6	48.5	-15.2	8.2
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	6.5	9.5	2.2	-0.9	0.6
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-44.3	-20.8	-36.8	30.7	-6.7
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-20.1	-9.2	14.5	42.8*	25.6**

* *April-Mei'04*
** *Jan-Mei'04*
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus kukuh, diterajui oleh sektor swasta

Ketika konsolidasi fiskal sektor awam terus dilaksanakan, sektor swasta menjadi enjin pertumbuhan ekonomi yang utama, dengan memberi sumbangan yang paling nyata kepada pertumbuhan KDNK. Pengembangan sektor swasta yang pesat menyebabkan pertumbuhan permintaan dalam negeri pada suku kedua 2004 mengatasi prestasi pertumbuhan pada suku pertama (8%; S1 2004: 7%). Tanda-tanda pertumbuhan yang pesat dalam penggunaan isi rumah dan aktiviti pelaburan sektor swasta yang lebih kukuh menunjukkan kemapanan dan kualiti pertumbuhan telah meningkat dengan ketara.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	4.0	5.3	7.0	8.1	7.6
Penggunaan	5.9	6.9	8.6	10.4	9.5
Sektor swasta	*5.0*	*5.5*	*8.4*	*11.4*	*9.9*
Sektor awam	*8.9*	*12.6*	*9.2*	*7.1*	*8.0*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	0.4	2.0	3.5	3.5	3.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	4.4	4.9	15.6	19.3	17.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	-0.5	1.1	19.4	25.3	22.4
KDNK	**4.6**	**4.7**	**7.6**	**8.0**	**7.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta kekal kukuh pada suku kedua, dengan kadar peningkatan yang semakin kukuh kepada 11.4% (S1 2004: 8.4%). Keyakinan pengguna bertambah teguh dengan peningkatan yang mapan dalam pendapatan boleh guna, suasana perniagaan yang bertambah baik, perolehan eksport yang terus tinggi, harga komoditi yang kekal menggalakkan, serta persekitaran kadar faedah yang rendah. Kesannya, kesemua penunjuk penggunaan utama mencatat pengembangan yang kukuh, seperti perbelanjaan melalui kad kredit, import barangan pengguna, pinjaman yang diluluskan kepada isi rumah dan kredit penggunaan serta pinjaman yang dikeluarkan kepada perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel. Penjualan kenderaan penumpang juga ternyata lebih tinggi pada suku ini, selepas mengalami

penurunan selama enam suku tahunan berturut-turut. Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat dengan sederhana pada suku kedua dengan perbelanjaan terus disalurkan kepada bekalan dan perkhidmatan serta pertahanan.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Lebih Rendah



Pembentukan modal tetap kasar terus mencatat pertumbuhan yang kukuh iaitu 3.5% (S1 2004: 3.5%) pada suku kedua. Secara keseluruhan, pertumbuhan didorong oleh aktiviti pelaburan swasta yang lebih kukuh ketika perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus menurun. Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh pada suku ini, seperti yang dicerminkan terutamanya oleh pelaburan yang berterusan dalam jentera dan alat kelengkapan dan pengembangan kapasiti hasil daripada keyakinan perniagaan yang bertambah baik, penggunaan kapasiti yang tinggi serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan, dan keuntungan korporat yang semakin meningkat. Di samping itu, pelaburan dalam negeri juga disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang mapan. Pelaburan yang lebih tinggi pada suku ini dicerminkan oleh kebanyakan sektor terutama sektor perkilangan, minyak dan gas serta telekomunikasi. Peningkatan dalam keyakinan perniagaan dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan yang lebih tinggi, yang meningkat dengan ketara sebanyak 12.1 mata kepada 124.1 mata (S1 2004: 112), menunjukkan bahawa tempahan tempatan dan eksport, prestasi jualan serta kadar penggunaan kapasiti adalah lebih kukuh. Di samping itu, penunjuk utama seperti jualan kenderaan perdagangan, import barangan modal, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada perniagaan dan perkilangan meningkat dengan ketara, menunjukkan pengembangan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh. Sementara itu, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus disalurkan kepada infrastruktur pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan pertanian.

Keyakinan perniagaan terus mengukuh



Inflasi kekal rendah

Sementara pertumbuhan ekonomi terus pesat pada suku kedua, **inflasi** seperti

yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), kekal rendah pada paras 1.2% (1% pada S1 2004). Peningkatan harga makanan di rumah, bahan makanan yang tidak tahan lama dan perkhidmatan pengangkutan yang lebih tinggi ekoran peningkatan harga petrol pada 1 Mei 2004 telah diimbangi sebahagiannya oleh harga telekomunikasi yang lebih rendah. Bagi enam bulan pertama tahun 2004, kadar inflasi tahunan purata berada pada paras 1% (1.1% pada enam bulan pertama tahun 2003).

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan Pasaran Pekerja Kekal Stabil

Keadaan **pasaran pekerja** kekal stabil. Prestasi KDNK yang lebih kukuh dicerminkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam produktiviti dan pengurangan bilangan pencari kerja. Dalam sektor perkilangan, data produktiviti pada suku kedua, seperti yang diukur oleh nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja, meningkat sebanyak 19.5%, melebihi peningkatan sebanyak 3.9% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Mencerminkan keadaan semasa yang stabil, kekosongan jawatan seperti yang dilaporkan kepada pihak berkuasa pada suku kedua adalah melebihi jumlah pemberhentian pekerja (masing-masing sebanyak 14,660 jawatan dan seramai 8,155 orang).

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Imbangan dagangan menguncup akibat import yang lebih kukuh berbanding eksport

Lebihan dagangan menguncup, tetapi kekal besar iaitu sebanyak RM18.1 bilion (S1 2004: RM19.3 bilion). Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih pesat, import kasar berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 32.1%, sementara eksport kasar meningkat sebanyak 22%.

Pertumbuhan **eksport kasar** bertambah kukuh pada suku kedua 2004, mencerminkan eksport barangan perkilangan dan komoditi yang lebih tinggi. Prestasi eksport yang lebih tinggi ini mencerminkan kenaikan dalam jumlah eksport (15.8%), sementara harga eksport pula meningkat dengan sederhana disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih tinggi bagi minyak mentah, getah dan minyak sawit. Kenaikan jumlah eksport dicatat terutamanya

oleh barangan perkilangan, serta gas asli cecair, minyak mentah dan getah.

Ketika ekonomi global mengalami perkembangan yang menggalakkan, eksport **perkilangan** bertambah kukuh sebanyak 20.5% (S1 2004: 17.3%), didorong oleh permintaan luar negeri yang kukuh bagi barangan elektrik dan elektronik, keluaran kimia dan keluaran getah. Eksport barangan elektronik mendapat manfaat terutamanya daripada permintaan yang lebih tinggi dari rantau Asia Pasifik dan Amerika Syarikat, sementara permintaan eksport yang lebih tinggi bagi bahan kimia, keluaran getah dan keluaran logam mencerminkan permintaan yang menyeluruh dari negara-negara serantau, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Eksport yang lebih tinggi juga dicatat oleh keluaran lain seperti keluaran petroleum, keluaran kertas dan pulpa, tekstil dan pakaian serta keluaran makanan. Walaupun harga eksport bagi industri yang bukan berasaskan sumber terus merosot, ia lebih daripada diimbangi oleh peningkatan harga eksport bagi industri berasaskan sumber. Secara keseluruhan, harga eksport mencatat kenaikan yang kecil (0.8%; S1 2004: -1.1%), sementara jumlah eksport perkilangan terus berkembang sebanyak 20.5% (S1 2004: 19.5%).

Eksport **komoditi pertanian** terus berkembang sebanyak 11.4% pada suku kedua (S1 2004: 13.8%), hasil daripada peningkatan eksport minyak sawit dan getah. Eksport minyak sawit (RM5.1 bilion) didorong keseluruhannya oleh harga purata yang lebih kukuh pada paras RM1,835 setan (S1 2004: RM1,766 setan). Sebaliknya, jumlah eksport minyak sawit merosot sebanyak 12.7%, akibat permintaan yang lebih rendah daripada pembeli utama minyak sawit Malaysia, iaitu India dan Pakistan. Ini disebabkan oleh hasil tuaian bijirin yang lebih baik di negara berkenaan pada tempoh tersebut. Harga minyak sawit secara relatifnya kekal tinggi pada suku kedua mencerminkan kekangan penawaran yang berterusan dalam pasaran minyak sayuran global, terutama minyak kacang soya (pengganti minyak sawit yang paling hampir) berbanding permintaan yang menggalakkan. Di samping itu, eksport getah juga terus kukuh pada suku kedua 2004 dengan pertumbuhan sebanyak 52.3%. Pertumbuhan tersebut disokong oleh peningkatan dalam harga (35.9%) dan jumlah eksport (12.1%) yang lebih kukuh. Permintaan terhadap getah, terutama dari negara pembeli utama, iaitu R.R. China, Timur Tengah dan Kesatuan Eropah meningkat dengan nyata pada suku tersebut dengan kenaikan antara 6 hingga 42%. Secara berkumpulan, negara-negara tersebut mencakupi dua pertiga daripada jumlah eksport getah Malaysia.

Eksport **mineral** meningkat dengan pesat sebanyak 43.6%, disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang

Akaun Perdagangan

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan dalam (%)				
Eksport kasar	**11.1**	**11.7**	**17.4**	**22.0**	**19.7**
Perkilangan	*7.2*	*6.9*	*17.3*	*20.5*	*19.0*
Pertanian	*33.7*	*37.4*	*13.8*	*11.4*	*12.5*
Galian	*34.9*	*45.0*	*15.4*	*43.6*	*28.2*
Import kasar	**-2.0**	**0.8**	**23.5**	**32.1**	**27.9**
Barangan modal	*-10.8*	*-5.0*	*23.2*	*27.6*	*25.4*
Barangan pengantara	*-0.4*	*1.4*	*22.5*	*31.6*	*27.2*
Barangan penggunaan	*-2.7*	*0.8*	*14.3*	*26.5*	*20.5*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**21.2**	**41.4**	**19.3**	**18.1**	**37.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

lebih tinggi. Pada suku kedua, harga eksport minyak mentah Malaysia meningkat sebanyak 33.6% kepada AS$37.86 setong (S1 2004: AS$34.06 setong), sejajar dengan perkembangan pasaran minyak mentah dunia. Sementara itu, eksport gas asli cecair meningkat sebanyak 36% disebabkan oleh pembelian yang lebih tinggi oleh tiga buah negara pembeli utama, iaitu Korea, China Taipei dan Jepun, seiring dengan prestasi ekonomi mereka yang bertambah baik.

Pada suku kedua, bahagian pasaran eksport ke negara-negara serantau kekal tinggi sebanyak 44%. Pertumbuhan eksport ke rantau Asia Timur meningkat melebihi kadar pertumbuhan eksport ke negara perindustrian utama, dipacu terutamanya oleh perkembangan eksport barangan elektrik dan elektronik, gas asli cecair dan minyak sawit. Eksport ke R.R. China dan Hong Kong China masing-masing meningkat sebanyak 30.2% dan 25.3%. Hasilnya, bahagian eksport Malaysia ke negara-negara tersebut masing-masing meningkat kepada 6.8% dan 6.4%. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 15.5% untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih besar sebanyak 19.3%. Ini disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik dan keluaran kimia serta kayu. Sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi, eksport ke Kesatuan Eropah dan Jepun masing-masing meningkat sebanyak 14.8% dan 18.6%.

Import kasar meningkat sebanyak 32.1% kepada RM99.8 bilion. Pertumbuhan import yang lebih tinggi mencerminkan pertumbuhan yang mapan dalam pengeluaran dan eksport barangan elektrik dan elektronik, serta permintaan dalam negeri dan aktiviti

Imbangan perdagangan



Malaysia: Destinasi eksport

	2003		2004			2003		2004			2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**19.7**	**36.9**	**19.3**	**22.8**	**42.0**	**20.4**	**19.6**	**17.8**	**19.3**	**18.6**	**4.4**	**3.9**	**11.9**	**15.5**	**13.8**
Kesatuan Eropah	**12.0**	**23.4**	**13.3**	**13.7**	**27.0**	**12.4**	**12.4**	**12.3**	**11.7**	**12.0**	**16.0**	**11.5**	**16.0**	**14.8**	**15.4**
Negara ASEAN terpilih [1]	**23.9**	**46.9**	**26.9**	**28.8**	**55.7**	**24.7**	**24.9**	**25.0**	**24.4**	**24.7**	**4.1**	**6.2**	**17.3**	**20.3**	**18.8**
Negara Timur Laut Asia	**18.2**	**36.0**	**21.9**	**23.1**	**45.0**	**18.8**	**19.1**	**20.3**	**19.6**	**19.9**	**17.7**	**22.2**	**23.0**	**26.8**	**24.9**
Republik Rakyat China	*6.2*	*11.5*	*7.2*	*8.1*	*15.3*	*6.4*	*6.1*	*6.7*	*6.8*	*6.8*	*32.8*	*30.2*	*34.9*	*30.2*	*32.4*
Hong Kong China	*6.0*	*11.9*	*6.4*	*7.5*	*14.0*	*6.2*	*6.3*	*6.0*	*6.4*	*6.2*	*31.6*	*39.4*	*8.6*	*25.3*	*17.0*
China Taipei	*3.5*	*6.8*	*3.6*	*3.8*	*7.4*	*3.6*	*3.6*	*3.3*	*3.3*	*3.3*	*-3.6*	*3.3*	*6.4*	*11.2*	*8.8*
Korea	*2.6*	*5.8*	*4.7*	*3.7*	*8.4*	*2.7*	*3.1*	*4.4*	*3.1*	*3.7*	*-3.4*	*5.4*	*47.5*	*43.1*	*45.5*
India	**2.5**	**4.7**	**2.7**	**2.7**	**5.4**	**2.6**	**2.5**	**2.5**	**2.3**	**2.4**	**45.2**	**59.1**	**21.3**	**10.9**	**15.8**
Jumlah eksport	**96.7**	**188.7**	**107.9**	**118.0**	**225.9**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**11.1**	**11.7**	**17.4**	**22.0**	**19.7**

1 Termasuk negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pelaburan yang lebih kukuh. Import **barangan pengantara** yang sebahagian besarnya merupakan input kepada eksport barangan perkilangan, meningkat sebanyak 31.6%. Import yang lebih tinggi pada suku kedua juga mencerminkan peningkatan penggunaan input berkos rendah dari Negeri Thai, Indonesia dan R.R. China. Komponen import termasuk bekalan perindustrian dan alat ganti serta aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) yang merupakan input kepada industri elektrik dan elektronik, mencatat peningkatan yang ketara. Import untuk industri pemprosesan makanan dan minuman meningkat sebanyak 109.5% mencerminkan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta.

Sejajar dengan perkembangan yang kukuh dalam pelaburan swasta, import **barangan modal** berkembang pada kadar yang pesat sebanyak 27.6%. Import barangan modal, tidak termasuk barangan *lumpy*, meningkat sebanyak 26.2%. Peningkatan tersebut mencerminkan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan serta minyak dan gas. Pelaburan dalam jentera dan alat kelengkapan serta perkembangan kapasiti dalam sektor perkilangan bertambah kukuh dengan sentimen perniagaan yang bertambah baik, sementara penggunaan kapasiti menghampiri tahap kapasiti penuh. Import jentera kelengkapan pembinaan dan perlombongan mencatat pertumbuhan yang ketara mencerminkan peningkatan dalam aktiviti cari gali industri minyak dan gas. Seiring dengan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 26.5%. Import barangan penggunaan yang lebih tinggi mencerminkan import makanan dan minuman untuk penggunaan isi rumah dan barangan pengguna. Satu lagi perkembangan ketara pada suku kedua ialah pertumbuhan yang kukuh dalam import untuk pengeksportan semula, berikutan aktiviti pembungkusan dan pemasangan di kawasan pengagihan yang terletak di zon komersial bebas di pelabuhan-pelabuhan utama.

Pertumbuhan import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2003		2004		
	S2	ST 1	S1	S2	ST 1
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**-10.8**	**-5.0**	**23.2**	**27.6**	**25.4**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	9.7	9.0	12.9	25.5	19.4
Alat kelengkapan pengangkutan	-84.2	-74.2	205.1	79.9	150.8
BARANGAN PENGANTARA	**-0.4**	**1.4**	**22.5**	**31.6**	**27.2**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	13.4	26.2	31.8	109.5	64.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	-3.2	2.5	25.1	47.7	36.4
Bahan api dan pelincir	44.1	37.6	-2.1	23.3	11.4
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	-0.4	-1.3	23.2	20.4	21.7
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-40.5	-24.8	24.6	74.3	46.4
BARANGAN PENGGUNAAN	**-2.7**	**0.8**	**14.3**	**26.5**	**20.5**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	-13.1	-8.3	19.8	37.8	28.5
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	108.9	106.8	-8.5	15.2	3.4
Barangan pengguna, t.s.t.l.	2.5	5.4	11.5	20.6	16.2
Barangan tahan lama	*22.4*	*22.4*	*8.1*	*14.5*	*11.4*
Barangan separa tahan lama	*-15.3*	*-12.6*	*15.8*	*22.2*	*19.2*
Barangan tidak tahan lama	*10.8*	*14.4*	*10.2*	*22.5*	*16.6*
BARANGAN DUA GUNA	**17.0**	**22.6**	**22.2**	**26.3**	**24.2**
LAIN-LAIN	**-1.5**	**0.9**	**7.5**	**5.2**	**6.3**
IMPORT TERTANGGUH	**-1.9**	**0.8**	**21.7**	**30.0**	**26.0**
EKSPORT SEMULA	**-8.4**	**0.9**	**89.6**	**107.7**	**99.0**
IMPORT KASAR	**-2.0**	**0.8**	**23.5**	**32.1**	**27.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Ketibaan pelancong kekal tinggi

Ketibaan pelancong kekal pada tahap yang tinggi sebanyak 3.9 juta pelancong (S1 2004: 4 juta) pada suku kedua. Sebahagian besar pelancong adalah dari Singapura, Negeri Thai, Indonesia dan R.R. China. Ini adalah sejajar dengan peningkatan dalam bilangan penerbangan dan prestasi ekonomi yang kukuh di negara-negara serantau. Pelancong dari negara ASEAN mencakupi 80.3% daripada jumlah pelancong ke Malaysia. Ketibaan pelancong dari United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat kekal tinggi mencerminkan peningkatan dalam bilangan penerbangan ke Malaysia Timur dan kempen promosi.

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Aliran masuk FDI terus teguh, sementara pelaburan portfolio meningkat dengan sederhana

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)** terus teguh pada suku kedua 2004 (RM3.6 bilion; S1 2004: RM3.5 bilion).

Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit. Aliran pelaburan ke sektor perkilangan kekal tinggi, terutama dalam aktiviti berkaitan petroleum, elektrik dan elektronik serta kimia, serta sektor minyak dan gas. Sesudah mengambil kira aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM0.9 bilion (S1 2004: RM0.6 bilion).

Aliran keluar kasar **pelaburan luar negeri** adalah lebih tinggi pada paras RM2.7 bilion (S1 2004: RM2.1 bilion). Sebahagian besar pelaburan adalah dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit. Pelaburan yang dibuat oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas juga ketara, diikuti oleh syarikat perkilangan, khususnya dari industri berkaitan petroleum serta elektrik dan eletronik. Sesudah mengambil kira aliran masuk pembayaran balik pinjaman dari luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM1.7 bilion (S1 2004: -RM1.1 bilion).

Walaupun meningkat dengan sederhana, aliran masuk bersih pelaburan portfolio kekal tinggi pada paras RM3 bilion (S1 2004: RM16.3 bilion), sejajar dengan konsolidasi dalam BSKL dan beberapa bursa serantau sepanjang suku kedua.

Hutang luar negeri masih berada pada tahap berhemat

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM193.7 bilion atau AS$51 bilion pada akhir Jun 2004, iaitu bersamaan dengan 49.3% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** meningkat sebanyak 1.4% kepada RM152.1 bilion atau AS$40 bilion (S1 2004: RM150 bilion), mencerminkan pinjaman bersih hutang luar negeri oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). PABK yang sebelum ini mencatat pembayaran balik bersih selama lapan suku tahunan berturut-turut, telah bertukar arah untuk mencatat penggunaan pinjaman bersih sebanyak RM3.3 bilion pada suku kedua. Penggunaan pinjaman luar negeri kasar yang lebih tinggi oleh PABK, khususnya daripada sektor pengangkutan adalah untuk perbelanjaan modal. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negeri pada suku kedua.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM41.7 bilion atau AS$11 bilion (S1 2004: RM35.2 bilion), akibat peningkatan hutang luar negeri jangka pendek sektor perbankan. Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai yang berkaitan dengan urus niaga perdagangan serta operasi pasaran kewangan yang melibatkan aktiviti kewangan serantau. Namun, perkembangan ini adalah bersifat sementara dan akan pulih apabila telah matang. Walau bagaimanapun, hutang jangka pendek masih berada pada paras yang rendah, iaitu 21.5% daripada jumlah hutang luar negeri, dan kira-kira 20.3% daripada rizab antarabangsa bersih (pada akhir bulan Jun).

Rizab antarabangsa bertambah kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia bertambah kukuh pada suku kedua 2004 dengan peningkatan sebanyak RM9.7 bilion (AS$2.5 bilion) kepada RM204.8 bilion (AS$53.9 bilion) pada 30 Jun 2004. Peningkatan rizab pada suku ini adalah disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang kekal tinggi, aliran masuk FDI dan dana portfolio serta pengambilan pinjaman luar negeri. Paras rizab juga telah mengambil kira pelarasan

Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan



Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan

	2003	2004	
	Akhir Jun	Akhir Mac	Akhir Jun [a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	157.4	150.0	152.1
Sektor awam	101.7	94.3	97.2
Sektor swasta	55.7	55.7	54.9
Hutang jangka pendek[1]	35.8	35.2	41.7
Jumlah hutang luar negeri	193.2	185.2	193.7
- bersamaan AS$ bilion	50.9	48.7	51.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan
[a] Awalan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



penilaian semula pertukaran asing suku tahunan dengan kerugian berjumlah AS$506 juta.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM206.9 bilion (AS$54.4 bilion) pada 14 Ogos 2004, mencerminkan terutamanya penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk pelaburan portfolio. Paras rizab ini adalah mencukupi untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Kutipan hasil yang lebih kukuh dan perbelanjaan yang menurun menghasilkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah pada RM4.9 bilion, atau 4.5% daripada KDNK (S2 2003: -10.5% daripada KDNK). Pada separuh pertama tahun 2004, defisit fiskal adalah 3.8% daripada KDNK. Kutipan hasil yang lebih tinggi pada suku kedua adalah hasil daripada cukai pendapatan petroleum dan kebanyakan kategori utama cukai tidak langsung. Sejajar dengan dasar konsolidasi fiskal, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan menurun pada kadar tahunan sebanyak

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]



[a] awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2003		2004		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	21.2	34.9	17.7	21.8	39.6
% perubahan tahunan	*8.1*	*-5.0*	*29.3*	*2.9*	*13.3*
Perbelanjaan mengurus	22.2	35.0	16.2	19.7	35.9
% perubahan tahunan	*42.2*	*15.3*	*26.7*	*-11.4*	*2.5*
Akaun semasa	**-1.0**	**...**	**1.6**	**2.1**	**3.7**
% daripada KDNK	***-1.1***	***...***	***1.5***	***1.9***	***1.8***
Perbelanjaan pembangunan kasar	9.1	16.9	4.9	7.3	12.1
% perubahan tahunan	*12.7*	*41.6*	*-38.0*	*-19.9*	*-28.3*
Terimaan balik pinjaman	0.1	0.2	0.1	0.2	0.3
Imbangan keseluruhan	**-10.0**	**-16.8**	**-3.2**	**-4.9**	**-8.1**
% daripada KDNK	***-10.5***	***-8.9***	***-3.1***	***-4.5***	***-3.8***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	**31.3**	**51.9**	**21.0**	**27.0**	**48.0**
% perubahan tahunan	*32.2*	*22.7*	*2.1*	*-13.8*	*-7.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	182.1	182.1	194.3	197.8	197.8
% daripada KDNK	*46.2*	*46.2*	*46.5*	*47.3*	*47.3*
Hutang dalam negeri	142.3	142.3	157.0	160.8	160.8
% daripada KDNK	*36.1*	*36.1*	*37.6*	*38.5*	*38.5*
Hutang luar negeri	39.9	39.9	37.3	37.0	37.0
% daripada KDNK	*10.1*	*10.1*	*8.9*	*8.9*	*8.9*

a Awalan

13.8%. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan disalurkan ke sektor pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pertanian dan pembangunan luar bandar. Dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam pasaran dalam negeri, keseluruhan dana yang diperoleh untuk membiayai defisit adalah daripada sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Jun 2004, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM197.8 bilion atau 47.3% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah, mencakupi 19.1% daripada hutang luar negeri.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, mudah tunai yang mencukupi dan kadar faedah semasa yang rendah menyokong keperluan pembiayaan oleh sektor swasta secara efektif.

Perubahan besar dalam sistem perlaksanaan dasar monetari berlaku pada suku kedua berikutan pengenalan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Kadar Dasar Semalaman (KDS) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan yang sebelum ini digunakan sebagai penunjuk teras dasar monetari. Dasar monetari tidak berubah berikutan perlaksanaan rangka kerja kadar faedah yang baru ini. Ini dicerminkan oleh penetapan KDS mengikut kadar antara bank semalaman semasa pada paras 2.70%. Peralihan kepada rangka kerja baru berjalan lancar dengan

Purata Berwajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM juta)



peserta pasaran memberi respons seperti yang dijangkakan. Purata berwajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.68% - 2.74%, iaitu dengan purata 2.70% pada 26 April - 19 Ogos. Kadar antara bank yang lain kekal rendah. Tebaran antara kadar KLIBOR dan kadar antara bank mengecil pada suku kedua. Bank Negara Malaysia menyerap lebihan mudah tunai daripada operasi luar negara untuk memastikan keadaan monetari terus stabil.

Mengikut rangka kerja kadar faedah baru, setiap institusi perbankan perlu mengumumkan kadar pinjaman asas (BLR) masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Berikutan liberalisasi ke atas formula BLR, sebuah bank telah menurunkan kadar BLRnya. Kesannya, purata BLR bank perdagangan menurun sedikit ke paras 5.98% pada 15 Ogos 2004 (6.00% pada akhir Mac) sementara purata BLR syarikat kewangan

kekal tidak berubah pada kadar 6.90%. Kadar berian pinjaman (ALR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun pada suku kedua, masing-masing ke paras 6.00% dan 8.69% pada akhir Julai (masing-masing pada 6.10% dan 8.95% pada akhir Mac). Ini mencerminkan bahagian pinjaman baru yang lebih besar pada kadar faedah yang lebih rendah.

Kadar Pemberian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Kadar Faedah

	S1 03	S1 04	S2 04
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campur tangan 3 bulan *	4.50	4.50	
Kadar Dasar Semalaman (KDS)*			2.70
Kadar antara bank			
Semalaman	2.77	2.71	2.70
1 bulan	2.99	2.98	2.81
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.00	6.00	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.22	6.10	5.99
Syarikat kewangan	9.28	8.95	8.76
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.01	3.00	3.00
12 bulan	3.72	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (KDS) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta lebih tinggi

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh pada suku kedua ketika permintaan dalam negeri semakin kukuh dan prestasi sektor luar negeri bertambah baik. Pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi, pada paras RM127.3 bilion pada suku kedua dengan peningkatan pada kadar tahunan sebanyak 8.7%. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan jumlah terkumpul terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan 8.2% pada akhir Jun.

Pembiayaan Sektor Swasta Kasar Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2003	S2 03	S1 04	S2 04	2003	S1 04	S2 04
Jumlah pembiayaan kasar	**492.2**	**117.0**	**118.9**	**127.3**	**9.0**	**1.4**	**8.7**
Pengeluaran pinjaman *	441.7	104.5	114.9	120.0	7.3	14.4	14.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.8	12.0	2.8	6.5	60.5	-82.5	-46.0
Ekuiti	7.8	0.6	1.2	0.8	-41.5	104.4	42.9
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	**57.8**	**14.7**	**6.9**	**16.0**	**10.3**	**8.2**	**8.2**
Sistem perbankan	28.1	8.3	3.3	14.2	5.9	5.3	6.4
Baki pinjaman (A)	*21.6*	*10.4*	*5.3*	*13.7*	*4.8*	*5.7*	*6.2*
Pegangan PDS	*6.6*	*-2.1*	*-2.0*	*0.5*	*23.8*	*0.1*	*8.8*
PDS terkumpul (B)	36.2	4.3	1.6	2.3	33.4	17.5	15.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	51.0	12.9	6.0	7.5	40.8	-65.3	-41.9

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pengembangan yang berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta mencerminkan pertumbuhan yang

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2003	S2 03	S1 04	S2 04	2003	S2 03	S1 04	S2 04
Jumlah								
Permohonan pinjaman	227.6	53.0	58.6	70.6	4.8	-8.2	4.4	33.2
Kelulusan pinjaman	152.7	38.4	37.2	46.6	11.0	6.8	5.2	21.4
Pengeluaran pinjaman	441.7	104.5	114.9	120.0	7.3	-0.3	14.4	14.8
Bayaran balik pinjaman	430.5	96.8	112.5	110.3	6.9	-3.3	11.5	14.0
Perubahan baki pinjaman *	21.6	10.4	5.3	13.7	4.8	4.2	5.7	6.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	124.9	28.4	30.5	38.2	-7.7	-16.1	-9.9	34.2
Kelulusan pinjaman	77.2	19.9	17.2	23.6	12.7	11.5	-5.1	18.3
Pengeluaran pinjaman	303.4	71.5	78.2	82.8	7.6	-2.8	14.9	15.8
Bayaran balik pinjaman	299.6	66.3	75.6	76.0	8.6	-4.0	8.9	14.6
Perubahan baki pinjaman *	-5.2	3.7	-0.4	5.4	-2.4	-1.9	-0.6	0.2
PKS								
Permohonan pinjaman	44.5	9.7	10.5	14.5	t.d.	t.d.	-17.8	49.0
Kelulusan pinjaman	25.7	5.9	5.7	8.3	t.d.	t.d.	-16.1	41.4
Pengeluaran pinjaman	87.1	19.1	23.7	24.8	76.0	t.d.	12.3	29.5
Perubahan baki pinjaman *	7.4	1.3	-1.1	2.9	10.0	5.1	5.3	7.4
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	80.4	18.7	20.0	23.7	t.d.	t.d.	-5.0	26.6
Kelulusan pinjaman	51.5	14.0	11.5	15.2	t.d.	t.d.	1.5	8.6
Pengeluaran pinjaman	216.4	52.3	54.6	58.0	-6.9	t.d.	16.0	10.7
Perubahan baki pinjaman *	-12.7	2.5	0.6	2.5	-8.8	-5.5	-3.9	-3.8
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	98.5	24.0	27.2	32.2	20.2	68.7	29.9	34.3
Kelulusan pinjaman	72.0	18.2	19.3	22.8	7.6	1.7	20.8	25.5
Pengeluaran pinjaman	114.5	27.3	30.8	31.5	8.9	6.2	17.5	15.4
Bayaran balik pinjaman	94.1	21.6	26.8	25.6	12.4	6.5	19.2	18.4
Perubahan baki pinjaman *	26.2	6.0	6.0	8.1	12.8	12.8	13.1	13.7

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berian Pinjaman Bank kepada PKS



kukuh dalam penunjuk pinjaman bank utama. Aktiviti pinjaman bank yang lebih tinggi dicatat oleh ketiga-tiga kumpulan peminjam yang utama, iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat besar dan isi rumah.

Pinjaman yang dikeluarkan adalah lebih tinggi, berjumlah RM120 bilion atau peningkatan tahunan sebanyak 14.8% pada suku kedua. Pengeluaran pinjaman kepada perniagaan adalah lebih tinggi iaitu pada kadar tahunan 15.8% kepada RM82.8 bilion, untuk mencakupi hampir 70% daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada suku kedua. Sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman perniagaan disalurkan ke sektor perkilangan (37.1% daripada jumlah pengeluaran kepada perniagaan); sektor

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2003	S2 03	S1 04	S2 04		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	303.4	71.5	78.2	82.8	69.0	44.3
Syarikat besar	*216.4*	*52.3*	*54.6*	*58.0*	*48.3*	*27.3*
PKS	*87.1*	*19.1*	*23.7*	*24.8*	*20.7*	*17.0*
Isi rumah	114.5	27.3	30.8	31.5	26.2	49.7
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	11.1	2.5	3.1	3.7	3.1	2.3
Perlombongan dan kuari	1.7	0.3	0.5	0.4	0.3	0.2
Perkilangan	110.4	26.7	27.2	30.7	25.6	12.9
Sektor harta benda yang luas	78.9	19.0	21.0	21.7	18.1	40.1
Pembinaan	*27.5*	*6.6*	*7.0*	*7.3*	*6.1*	*6.0*
Pembelian rumah kediaman	*35.6*	*8.6*	*9.5*	*9.7*	*8.1*	*25.3*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*9.7*	*2.3*	*2.7*	*2.9*	*2.4*	*6.0*
Harta tanah	*6.1*	*1.5*	*1.8*	*1.9*	*1.5*	*2.8*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.0	1.6	1.5	1.5	1.2	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	70.1	17.5	18.3	20.0	16.6	8.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	12.0	3.5	2.5	2.8	2.3	2.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.7	6.2	10.6	8.8	7.3	6.0
Kredit penggunaan	72.4	17.3	19.5	20.4	17.0	19.3
Antaranya:						
Kad kredit	*30.5*	*7.1*	*8.4*	*8.6*	*7.2*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*24.5*	*6.0*	*6.0*	*7.1*	*5.9*	*13.4*
Pembelian sekuriti	12.9	2.7	3.7	2.8	2.4	4.0
Pembelian kereta pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	1.2	0.2	0.3	0.2	0.1	0.5
Lain-lain	28.3	6.9	6.8	7.1	5.9	3.1
Jumlah	**441.7**	**104.5**	**114.9**	**120.0**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (24.1%); dan sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (10.6%). Pengeluaran pinjaman yang kukuh menyumbang kepada peningkatan jumlah pinjaman perniagaan terkumpul pada suku kedua. Peningkatan jumlah pinjaman perniagaan terkumpul terutamanya oleh syarikat besar, mencerminkan sebahagiannya beberapa pinjaman jangka masa panjang baru dan besar. Kedua-dua penunjuk masa hadapan, iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan, masing-masing meningkat dengan ketara pada kadar 33.4% dan 18.3% pada suku kedua.

Pinjaman bank kepada PKS terus meningkat pada suku kedua. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor ini meningkat pada kadar tahunan 29.5% dan menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman terkumpul sebanyak 7.4% pada akhir Jun. Sejumlah RM8.3 bilion diluluskan kepada 22,161 akaun PKS pada suku kedua (S1: RM5.7 bilion diluluskan kepada 18,703 akaun PKS).

Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada isi rumah kekal kukuh, berjumlah RM31.5 bilion. Seperti mana suku sebelumnya, pengeluaran pinjaman kepada isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang pesat bagi pembelian harta kediaman (30.8% daripada jumlah pengeluaran kepada isi rumah), kad kredit (27.4%) dan pembelian kereta penumpang (22.4%). Kedua-dua penunjuk masa hadapan menunjukkan trend yang kukuh bagi permintaan pembiayaan bank oleh isi rumah. Permohonan pinjaman dan kelulusan masing-masing meningkat pada kadar tahunan 34.5% dan 25.5% pada akhir Jun. Sementara pinjaman kepada isi rumah kekal kukuh pada suku kedua, pinjaman tidak berbayar (NPL) kepada sektor ini masih pada paras terkawal. Nisbah NPL kasar bagi sektor isi rumah berbanding jumlah pinjaman isi rumah adalah rendah sedikit kepada 7.6% pada akhir Jun (7.9% pada akhir Mac). Nisbah NPL bagi pinjaman rumah kediaman dan pinjaman kad kredit dapat dibendung masing-masing pada 8.6% dan 4.2% pada akhir Jun (8.8% dan 4.3% pada akhir Mac).

Wang secara luas kekal mapan

Pada suku kedua, kadar pertumbuhan tahunan kesemua agregat monetari kekal tinggi selaras dengan aktiviti ekonomi yang

terus pesat. M3 meningkat 10.8% pada akhir Jun (10.7% pada akhir Mac). Pengembangan dalam M3 sebanyak RM10.3 bilion pada suku kedua didorong terutamanya oleh tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi (S2: +RM12.4 bilion; S1: +RM3.8 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh pinjaman bank yang lebih tinggi sementara pemegangan sekuriti oleh institusi perbankan merosot pada suku tersebut. Sektor luar negeri memberi kesan yang positif terhadap bekalan wang. Penghantaran balik hasil eksport yang kukuh dan aliran masuk dana portfolio serta FDI menyumbang kepada kenaikan rizab.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu-penentu M3

	Perubahan pada tempoh				
	Tahunan		Suku Tahunan		
	2002	2003	S2 03	S1 04	S2 04
	RM bilion				
M3	31.6	48.5	8.7	18.9	10.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	11.5	12.9	5.3	-6.0	-2.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	27.7	31.3	8.6	3.8	12.4
Operasi luar bersih *	1.2	20.8	0.3	33.3	6.0
Pengaruh lain	-8.9	-16.5	-5.5	-12.2	-6.2

* Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana baru yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Pasaran modal kekal sebagai sumber penting pembiayaan sektor swasta pada suku kedua, apabila sektor korporat terus mengambil kesempatan daripada kadar faedah yang rendah. Terbitan baru sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih tinggi bernilai RM7.5 bilion (S1 2004: RM6 bilion). Bagi terbitan PDS bukan Cagamas, 22 buah syarikat telah menerbitkan sekuriti baru dan hampir separuh daripadanya adalah syarikat-syarikat perkilangan dan harta benda. Lebih daripada separuh jumlah dana yang diperoleh disalurkan ke aktiviti baru (55.2%). Terbitan baru terutamanya adalah dalam bentuk MTN, bon boleh ubah dan sekuriti bersandarkan aset. Mengikut asas bersih, jumlah terbitan kasar diimbangi oleh penebusan yang besar berjumlah RM8.6 bilion. Dalam pasaran ekuiti, sejumlah RM800 juta telah diperoleh, dengan RM353 juta adalah daripada 14 tawaran awal awam. Terdapat 13 penyenaraian baru di Bursa Malaysia pada tempoh ini, dengan lima penyenaraian di papan utama, tiga di papan kedua dan lima di MESDAQ.

Kerajaan memperoleh dana berjumlah RM16.7 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	S1 03	S2 03	S1 04	S2 04
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	17,730	8,132	11,000	14,763
Tolak Penebusan	10,300	1,500	5,500	9,700
Tolak Milikan Kerajaan	0	0	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	7,430	6,632	5,500	5,063
Bon Khazanah, *bersih*	878	-138	0	-1,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	1,729	0	0	-560
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	-2	-2	-455	0
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	0	0	500	497
Dana bersih yang diperoleh	10,035	6,491	5,545	4,001
Oleh Sektor Swasta				
Saham	587	584	1,200	834
Sekuriti hutang	17,405	12,911	6,041	7,498
Sekuriti hutang swasta	*16,185*	*11,966*	*2,836*	*6,463*
Cagamas	*1,220*	*945*	*3,205*	*1,035*
Tolak Penebusan	2,176	9,602	6,928	8,558
Terbitan bersih	15,229	3,310	-887	-1,060
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	*15,536*	*4,135*	*-2,092*	*75*
Dana bersih yang diperoleh	15,816	3,894	314	-226
Jumlah dana bersih yang diperoleh	25,851	10,385	5,858	3,775
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih* *	1,620	-1,437	-269	-1,213
JUMLAH	27,471	8,949	5,589	2,563

* Merujuk kepada nota Cagamas dan Kertas perdagangan sahaja.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan Penggunaan
(% daripada jumlah)



RM14.8 bilion adalah melalui satu terbitan baru dan tiga terbitan semula SKM, sementara RM1.4 bilion daripada terbitan GII baru. Sektor awam juga menebus SKM, GII dan bon Khazanah berjumlah RM12.7 bilion. Ini menghasilkan pembiayaan bersih berjumlah RM4 bilion.

Jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM3.8 bilion, walaupun terdapat penebusan yang lebih tinggi oleh sektor swasta dan sektor awam.

IK BSKL merosot berikutan perkembangan luar negeri yang kurang menggalakkan

IK BSKL merosot pada suku kedua 2004 apabila perkembangan global dan serantau menjejaskan prestasi bursa serantau, terutama pada bulan April dan Mei. Sentimen terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah di R.R. China, prospek kenaikan kadar faedah di AS, dan kesan kenaikan harga minyak terhadap ekonomi global. IK BSKL meningkat sedikit pada akhir Mei berikutan pengumuman pertumbuhan ekonomi yang

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Kedua 2004



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	Pada suku tahunan									
	S1 03		S2 03		S4 03		S1 04		S2 04	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	12,387	21,294	17,776	28,349	40,144	71,970	37,737	77,036	15,192	32,857
Antaranya:										
Papan Utama	10,609	19,397	14,421	24,648	27,495	51,391	27,626	61,454	11,230	27,790
Antaranya:										
Barangan Pengguna	310	1,481	509	1,959	944	3,086	1,173	3,905	514	1,895
Barangan Perusahaan	711	1,535	1,429	2,105	3,735	5,369	4,087	6,067	1,660	2,841
Pembinaan	1,482	1,687	1,181	1,796	2,177	5,415	1,693	4,044	654	1,449
Perdagangan/Perkhidmatan	2,791	7,165	3,329	9,009	6,118	16,632	5,632	19,975	2,588	9,206
Kewangan	1,532	3,784	1,908	4,422	3,468	9,065	4,536	14,521	1,899	6,061
Harta benda	1,370	966	2,942	2,210	5,138	5,446	4,159	5,145	1,580	2,185
Perladangan	296	1,283	307	1,129	638	1,981	762	3,106	424	2,112
Perlombongan	48	91	53	92	36	102	43	140	5	30
Papan Kedua	1,591	1,807	2,685	3,377	10,100	18,229	6,258	11,249	2,787	3,995

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir suku tahunan				
	S1 03	S2 03	S4 03	S1 04	S2 04
Indeks Harga					
Komposit	635.7	692.0	793.9	901.9	819.9
EMAS	154.0	170.2	195.6	219.8	197.3
Papan Kedua	93.0	109.0	140.6	135.3	117.2
Purata Urus niaga harian					
Jumlah (juta unit)	213.6	286.7	658.1	650.6	331.5
Nilai (RM juta)	367.1	457.2	1,179.8	1,325.7	714.6
Permodalan Pasaran (RM b)	478.3	532.5	640.3	724.2	653.9
Bil. syarikat yg disenaraikan	874	877	906	923	934

Sumber: Bursa Malaysia

tinggi pada suku pertama dan perolehan suku tahunan yang lebih baik daripada jangkaan yang diumum oleh beberapa syarikat yang tersenarai.

Pada suku kedua, IK BSKL merosot sebanyak 9.1% kepada 819.9 pada akhir Jun (akhir Mac 2004: 901.9). Permodalan pasaran pada akhir suku kedua adalah lebih rendah sebanyak 9.7% kepada RM653.9 bilion (akhir S1 2004: RM724.2 bilion) sementara urus niaga harian purata bagi suku kedua adalah lebih rendah pada tahap 331.5 juta unit.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi berikutan terbitan sekuriti Kerajaan

Urus niaga dalam pasaran sekunder adalah lebih tinggi pada suku kedua berbanding suku pertama berikutan beberapa terbitan sekuriti Kerajaan. Pada keseluruhan suku kedua, aktiviti urus niaga tertumpu kepada sekuriti Kerajaan dan separa-kerajaan 3-5 tahun, yang mencakupi 85% daripada jumlah dagangan. Dari segi mudah tunai, GII dan bon Khazanah merupakan kertas yang paling cair, dengan nisbah mudah tunai masing-masing pada paras 1.87 dan 0.49.

Tanda aras kelok kadar hasil SKM jangka sederhana ke jangka panjang berubah ke atas pada suku kedua. Sentimen pasaran adalah lemah dan dipengaruhi terutamanya oleh kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah AS lebih awal daripada jangkaan, serta perkembangan yang menggalakkan dalam ekonomi dalam negeri di negara berkenaan. Walau bagaimanapun, bekalan SKM pada bulan Jun memenuhi jangkaan pasaran dan meningkatkan sentimen pasaran menjelang akhir Jun. Di samping itu, pengumuman rasmi tentang dasar kadar faedah yang tidak berubah menghakis ketidaktentuan pasaran. Oleh itu, tanda aras kelok kadar hasil SKM meningkat sedikit pada bulan Jun berbanding Mei.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Arah Aliran Kadar Hasil SKM



Prestasi ringgit

Pada suku kedua 2004, ringgit naik nilai berbanding yen, paun sterling dan euro. Dolar AS bertambah kukuh berbanding mata wang tersebut berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah di AS.

Dengan peningkatan nilai dolar AS, ringgit juga terus kukuh berbanding mata wang serantau. Pada suku kedua, kebanyakan mata wang serantau secara amnya menjadi lemah berikutan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi di R.R. China yang lebih perlahan, harga minyak yang lebih tinggi dan kesan jangkaan kenaikan kadar faedah di AS.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 April - 30 Jun 2004)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak *		
	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 04	S2 04	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 04
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.6522	4.5933	-	-	1.3
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.9667	6.8719	-38.9	-7.3	1.4
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.6334	3.4991	-36.9	-20.7	3.8
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2633	2.2139	-20.3	-0.6	2.2
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.6239	9.2841	5.0	0.9	3.7
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7580	6.7640	41.7	30.5	-0.1
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0442	0.0404	157.1	-12.3	9.6
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3308	0.3298	-13.8	-14.3	0.3

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Ketidaktentuan berhubung suasana politik di beberapa buah negara, terutama pilihan raya yang bakal diadakan juga mempengaruhi prestasi mata wang negara tersebut.

Walaupun terdapat volatiliti pada kadar pertukaran mata wang negara maju dan serantau, nilai wajaran dagangan ringgit terus konsisten dengan asas ekonomi negara.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kekal kukuh pada suku kedua 2004 dengan tahap permodalan yang tinggi, keuntungan yang meningkat dan kualiti aset yang bertambah baik. Kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Tahap permodalan kekal tinggi

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 13.8% dan 11.3%. Kedudukan modal yang lebih kukuh adalah hasil daripada pertumbuhan modal asas yang lebih tinggi sebanyak RM3.1 bilion (+4.3%) yang disebabkan terutamanya oleh aktiviti peningkatan modal melalui terbitan modal hutang subordinat serta kemasukan keuntungan yang telah diaudit oleh beberapa buah institusi perbankan. Di samping itu, peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman telah meningkatkan jumlah aset berwajaran risiko kepada RM17.1 bilion (+3.2%).

Keuntungan yang meningkat berikutan pendapatan yang lebih kukuh

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM0.2 bilion (+6.7%) kepada RM3.3 bilion pada suku kedua. Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai didorong oleh peningkatan dalam pendapatan faedah bersih (+RM141.8 juta), pendapatan berasaskan fi (+RM55 juta) dan keuntungan pelaburan bersih (+RM274.9 juta). Walau bagaimanapun, peningkatan hasil telah menjadi perlahan sedikit disebabkan oleh kos operasi yang lebih tinggi (+RM134.9 juta atau +4.7%). Pulangan tahunan ke atas aset dan ekuiti purata sistem perbankan adalah masing-masing pada paras 1.6% dan 18.7% (S1 2004: 1.5% dan 17.9%).

Kualiti aset terus bertambah baik

Pinjaman tidak berbayar (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan berkurangan sebanyak 3.7% kepada RM29.3 bilion pada akhir Jun 2004. Penurunan tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh pemulihan dan

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2003				2004	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
Modal						
CCR (%)	11.0	11.1	10.9	11.1	11.1	11.3
RWCR (%)	13.2	13.7	13.4	13.7	13.7	13.8

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



pengelasan semula yang lebih tinggi dan pengurangan insiden NPL baru. Kesan daripada NPL yang lebih rendah dan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi ini, nisbah NPL bersih menurun sebanyak 0.5 mata peratusan kepada 6.2% pada akhir Jun 2004, iaitu tahap terendah semenjak tahun 1998. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga menurun kepada 8.4% (Mac 2004: 9%).

Persidangan Perbankan Malaysia 2004
14 Mei 2004, Kuala Lumpur, Malaysia

'Ke Arah Perbankan Bertaraf Dunia - Sistem Perbankan yang Cekap, Berkesan dan Berdaya Tahan'

Ucaptama oleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

Permulaan abad ini menyaksikan satu transformasi penting dalam sektor perbankan negara. Perubahan ini didorong oleh peluang-peluang ekonomi yang baru muncul, keperluan pelanggan yang senantiasa berubah, teknologi baru, persekitaran yang lebih kompetitif serta perubahan dalam rangka kerja pengawalan dan pengawalseliaan. Tempoh ini juga menyaksikan kemajuan besar dicapai dalam usaha mengukuhkan sistem perbankan dalam negeri. Pengukuhan sektor perbankan ini didorong oleh penstrukturan dan perekayasaan, rasionalisasi serta proses penggabungan yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut. Sesungguhnya, kemajuan ini dicapai dalam suasana ekonomi dan kewangan global yang mencabar. Dalam usaha mencapai prestasi bertaraf antarabangsa, kita tidak boleh terlepas pandang akan konteks suasana ekonomi dan kewangan yang kita beroperasi. Perkara pokok dalam pencapaian matlamat ini adalah wawasan bersama untuk membangunkan sistem perbankan bertaraf dunia yang mampu memenuhi keperluan negara dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam persekitaran kewangan yang stabil. Oleh itu, harapan terletak pada sistem perbankan untuk menyediakan fungsi pengantaraan yang berkesan, cekap dan berdaya tahan di samping berperanan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Bagi memastikan sistem kewangan berada pada kedudukan terbaik untuk memenuhi keperluan ekonomi, perhatian serius ditumpukan ke arah meningkatkan infrastruktur kewangan untuk memudahkan akses pembiayaan bagi memenuhi permintaan baru, yang lebih kompleks dan berbeza-beza oleh pelbagai sektor ekonomi, meningkatkan kecekapan institusi perbankan dan fungsi pasaran kewangan, serta menyediakan infrastruktur sokongan lain yang dapat memperkukuh pencapaian objektif berkenaan. Usaha ini telah dilengkapkan dengan langkah-langkah bagi memastikan keutuhan dan kestabilan sistem kewangan.

Pencapaian prestasi yang tinggi industri kewangan menghendaki institusi perbankan meningkatkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan nilai ditambah. Oleh itu, penggunaan sumber yang ada perlu ditumpukan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan dalam usaha memperkenalkan rangkaian produk yang lebih pelbagai seperti

produk yang distruktur dan mengikut kehendak pelanggan, di samping menjadi pusat sehenti penyelesaian masalah perkhidmatan kewangan. Kemampuan institusi perbankan menangani keperluan dan kehendak segmen-segmen tertentu dan memberi fokus terhadap perhubungan pelanggan secara kos efektif dan tepat pada masanya adalah kunci untuk mencapai kelebihan bersaingan dan kekukuhan dalam jangka panjang.

II. Perjalanan ke arah Merealisasikan Wawasan

Dasar sistem perbankan telah berkembang daripada penstrukturan semula sektor kewangan pada akhir 1990an kepada pembangunan institusi dan pembinaan kapasiti, serta pembangunan infrastruktur sokongan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan dan pengukuhan pengawalan berhemat bagi meningkatkan daya tahan dan memelihara kestabilan. Dari segi pembangunan infrastruktur kewangan, usaha-usaha dipertingkatkan ke arah mengembangkan infrastruktur kewangan yang lebih pelbagai bagi memudahkan transformasi ekonomi kepada struktur ekonomi yang lebih pelbagai. Ini melibatkan pembangunan kepelbagaian struktur kewangan yang lebih pelbagai dengan dikemudi oleh sistem perbankan yang lebih cekap dan berdaya tahan bagi menyokong transformasi dan pertumbuhan ekonomi. Strategi untuk mencapai wawasan ini digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan yang dilancarkan pada bulan Mac 2001.

Sepanjang tempoh tiga tahun pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan, hasil yang positif dicapai dalam beberapa aspek:

- Kapasiti sektor perbankan kini lebih kukuh dengan tahap permodalan berada pada paras tertinggi. Ini dicerminkan oleh nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan yang secara konsisten kekal pada tahap melebihi 13%. Tahap yang tinggi ini telah meningkatkan daya tahan sektor perbankan seperti yang dicerminkan oleh kemampuan sistem perbankan mengharungi beberapa perkembangan luaran yang negatif pada tempoh yang baru berlalu tanpa sebarang akibat yang boleh menggugat dan menjejaskannya.

- Berikutan proses penggabungan yang dilaksanakan pada tahun 2002, sistem perbankan pada hari ini dilihat sebagai institusi perbankan dalam negeri yang lebih besar dan mempunyai modal yang lebih kukuh, beroperasi dalam kumpulan perbankan yang lebih besar serta mendapat manfaat daripada ekonomi bidangan untuk menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang lebih luas bagi jualan silang dan seterusnya menembusi pasaran yang lebih luas ke seluruh negara.

- Institusi perbankan dalam negeri juga menggunakan tahap teknologi yang lebih tinggi serta proses perniagaan yang lebih baik.

- Terdapat peningkatan yang ketara dalam tahap kecekapan. Kos operasi institusi perbankan dalam negeri menurun

daripada 41.2% pada tahun 2001 kepada 40.3% daripada jumlah pendapatan pada tahun 2003. Selain itu, jangka masa yang diambil untuk memproses pinjaman dan memberikan respons dalam penyelesaian masalah pelanggan juga bertambah baik.

- Terdapat juga tahap inovasi yang lebih tinggi dan pengenalan produk dan perkhidmatan baru untuk memenuhi keperluan pelanggan yang semakin kompleks dan canggih. Perkhidmatan ini termasuk pengurusan kekayaan, produk pelaburan berstruktur, bancasurans dan produk kewangan Islam.

- Saluran penghantaran baru menerusi mekanisme berasaskan teknologi inovatif seperti internet dan perbankan bergerak telah mempertingkatkan kecepatan penyerahan produk dan perkhidmatan serta memperluas akses perkhidmatan perbankan.

- Meskipun dalam suasana yang lebih kompetitif, institusi perbankan dalam negeri berupaya mengekalkan bahagian pasaran mereka pada tahap 80%. Bank-bank dalam negeri turut menguasai sebanyak 83% daripada pinjaman terkumpul yang diberikan mereka kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sementara bahagian pasaran mereka dalam perniagaan kad kredit meningkat daripada 46% pada tahun 2000 kepada 54% daripada jumlah kad kredit yang dikeluarkan pada tahun 2003.

- Dengan meningkatnya pelaburan dalam sistem pengurusan risiko, keupayaan pengurusan risiko dalam sektor perbankan terus diperkukuh dalam segala aspek menerusi penambahan instrumen pengurusan risiko yang sedia ada. Keupayaan ini dimantapkan lagi dengan peningkatan dalam dasar berhemat. Kini, institusi perbankan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran-cabaran yang timbul ekoran perkembangan yang tidak menggalakkan.

- Peningkatan semula pertumbuhan kredit kini beroleh momentum untuk memenuhi permintaan kewangan yang semakin meningkat dalam ekonomi, dan pada masa yang sama mengekalkan risiko pada tahap yang berpatutan. Terdapat juga peralihan yang ketara dalam komposisi portfolio aset. Berikutan inisiatif yang diambil bagi menggalakkan akses pembiayaan kepada PKS, pinjaman oleh sektor perbankan kepada sektor ini telah meningkat dengan ketara untuk mencakupi 38% daripada jumlah pinjaman perniagaan. Pemberian pinjaman runcit untuk penggunaan juga meningkat. Sistem perbankan yang kukuh telah berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi pemintaan pelanggan terhadap perkhidmatan kewangan. Industri perbankan sudah tentu terus memperoleh manfaat daripada permintaan yang kukuh untuk kredit isi rumah.

- Penambahbaikan infrastruktur perundangan termasuk pengenalan Akta

Sistem Pembayaran 2003 akan membantu mengukuhkan pengawasan sistem pembayaran Bank Negara Malaysia dan menyediakan rangka kerja perundangan bagi memastikan sistem pembayaran dilindungi daripada gangguan dan kesan yang seterusnya terhadap kestabilan kewangan.

- Sistem kewangan Islam telah berkembang sebagai sebuah komponen penting dalam sistem kewangan Malaysia. Kini, sistem perbankan Islam mencakupi hampir 10% daripada jumlah aset sistem perbankan, berbanding 6.9% pada tahun 2000. Usaha penting telah dicapai dalam pembangunan infrastruktur kewangan Islam serta pembangunan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang berhemat ke arah memenuhi keperluan yang sering berubah-ubah dalam ekonomi baru.

- Berikutan program celik huruf dan kesedaran pengguna yang semakin hebat, terdapat tanda-tanda bahawa penglibatan pengguna dalam pembangunan dan penghantaran produk semakin meningkat. Kini, pelanggan menuntut kualiti perkhidmatan dan penawaran produk yang lebih tinggi untuk memenuhi kehendak dan keperluan mereka.

III. Falsafah Pengawalan Kewangan

Keupayaan badan-badan pengawal selia, institusi perbankan dan peserta pasaran untuk bertindak sejajar dengan perubahan landskap kewangan adalah kunci kepada pembangunan sistem perbankan yang cekap, berkesan dan berdaya tahan. Berdasarkan peranan sistem perbankan yang unik dalam ekonomi dan peri pentingnya untuk memelihara keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap sistem perbankan, pengawalan dan penyeliaan merupakan komponen utama dalam pembangunan sistem kewangan yang kukuh.

Untuk merangka dan melaksanakan pengawalan kewangan, perseimbangan yang teliti perlu dibuat antara pencapaian objektif ke arah menggalakkan kecekapan dalam sistem perbankan dengan objektif ke arah memelihara kestabilan kewangan. Pertimbangan juga perlu diberikan kepada agenda sosioekonomi. Di samping itu, keseimbangan yang sewajarnya juga perlu dibuat antara objektif yang bertujuan menggalakkan persaingan dengan inovasi serta memelihara kehematan dengan kestabilan dalam sistem kewangan.

Selaras dengan ini, pendekatan pengawalseliaan menjadi lebih "berasaskan prinsip" berbanding dengan "berasaskan peraturan". Bagi memastikan peraturan tersebut terus relevan dalam usaha memelihara kestabilan kewangan, meskipun dengan memberi kefleksibelan yang secukupnya untuk institusi perbankan merangka strategi dan bidang pasaran masing-masing, pendekatan pengawalseliaan lebih tertumpu kepada pembangunan prinsip dan garis panduan berhemat yang luas dan bukannya menetapkan keperluan umum meliputi keseluruhan institusi dan aktiviti. Dengan itu, Bank Pusat beralih daripada penetapan peraturan dan pengawalan terperinci bagi mengawal aktiviti institusi

perbankan. Sebaliknya, pengawalseliaan akan bertumpu kepada mengenal pasti risiko di peringkat sistem dan memastikan setiap institusi perbankan mempunyai kapasiti yang sewajarnya dari segi kawalan dalaman dan sistem untuk menangani dan mengurus risiko. Namun demikian, ini tidak bermakna kurangnya pengawalan ke atas institusi perbankan.

Memandangkan kekuatan sesebuah institusi kewangan terletak pada barisan pertahanan hadapan untuk menangani sebarang krisis, tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan sesebuah institusi kewangan semakin bertambah untuk memperkuat daya tahan institusi mereka. Tumpuan Bank Pusat semakin meningkat terhadap keperluan institusi perbankan untuk mengadaptasi dan mempromosi urus tadbir yang baik, berintegriti, kawalan dalaman serta amalan pengurusan risiko yang mantap. Penelitian pengawalseliaan yang lebih rapi diambil untuk memastikan para pemegang saham, lembaga pengarah dan pihak pengurusan institusi perbankan terdiri daripada mereka yang 'layak dan wajar' serta mempunyai kapasiti untuk melaksanakan tanggungjawab dan kebertanggungjawapan. Ini diperkukuh oleh keperluan ketelusan dan pendedahan yang lebih luas. Integriti dan ketelusan adalah penting untuk institusi kewangan meraih kepercayaan awam dan keyakinan para pelabur.

IV. Pelaburan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang Strategik Sebagai Pemacu Prestasi

Dalam era kemajuan teknologi yang memberikan impak yang penting dalam kehidupan harian, kita sentiasa terdedah kepada cabaran untuk membuat keputusan terhadap produk ICT terbaik yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan kita. Di samping itu, dalam industri kewangan, kemajuan dalam bidang ICT sudah pasti memberi kesan yang penting terhadap cara operasi perniagaan dijalankan dan landskap perniagaan tersebut beroperasi. Industri perkhidmatan kewangan adalah satu-satunya pengguna teknologi yang terbesar. Kemajuan teknologi yang pesat sudah tentu akan terus memacu penambahbaikan sistem perbankan terutamanya teknologi baru yang berkaitan dengan sistem pengurusan maklumat, pembangunan produk, pengurusan risiko serta penghantaran produk dan perkhidmatan. Kajian industri terkini menganggarkan perbelanjaan ICT global untuk penambahbaikan rangkaian cawangan sahaja adalah lebih daripada USD15 bilion pada tahun 2001 dan dijangka meningkat kepada USD20 bilion menjelang tahun 2005.

Walau bagaimanapun, bukan semua pelaburan sedemikian akan menghasilkan penambahbaikan yang disasarkan. Pelaburan IT perlu disokong dengan justifikasi perniagaan yang jitu dan pertimbangan pelaksanaan yang sewajarnya. Teknologi baru perlu diguna pakai dengan kajian semula yang mendalam tentang cara operasinya dalam konteks organisasi yang lebih luas. Perkara yang sama juga boleh digunakan untuk inisiatif-inisiatif dalam pelaksanaan penambahbaikan IT bagi sesuatu organisasi supaya menghasilkan keputusan yang diharapkan. Sesungguhnya, pelaburan sedemikian seperti juga dalam aplikasi

pengurusan perhubungan pelanggan (CRM) perlu disesuaikan dengan model perniagaan individu.

Pelaburan yang membawa kepada pembaziran perlu dielakkan. Perkara yang paling utama adalah untuk menyelaras dan mengintegrasi ICT ke dalam model perniagaan. Sebagai pengguna akhir, industri kewangan berhadapan dengan pelbagai jenis produk yang ditawarkan, di samping penyelesaian untuk membaiki proses dan aktiviti perniagaan. Pelaburan sedemikian memerlukan keputusan dibuat dengan bernas. Penilaian ke atas pulangan pelaburan IT perlu dibuat berdasarkan matlamat jangka panjang, menggabungkan kedua-dua tanda aras kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan pelaburan tersebut mencerminkan peningkatan prestasi. Komponen utama dalam pencapaian matlamat pulangan yang sedemikian adalah untuk memastikan pelaksanaan aplikasi IT dengan bijak dalam sesuatu organisasi. Pada dasarnya, proses ini memerlukan interaksi erat antara teknologi dengan operator perniagaan di peringkat penyesuaian mengikut kehendak organisasi. Aplikasi baru seperti ini perlu dikaji semula dari segi sumbangannya ke arah penambahbaikan produk dan serahan perkhidmatan, bantuan dalam aktiviti pengurusan risiko dan peningkatan keupayaan pengurusan.

V. Peluang-Peluang daripada Integrasi Serantau

Satu lagi perkembangan penting yang sedang berlaku ialah integrasi serantau yang semakin meningkat yang didorong oleh pertambahan dalam perdagangan serantau dan aliran pelaburan. Kini, Asia menyaksikan corak perdagangan serantau dan pelaburan yang meningkat, hasilnya perdagangan antara negara di rantau ini mencakupi hampir separuh daripada perdagangan Asia berbanding hanya 1/5 sedekad yang lalu. Bahagian perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN yang kini mencakupi 24% daripada jumlah perdagangan negara ini, mencerminkan perdagangan serantau yang lebih tinggi (terutamanya kenaikan dalam import negara pembekal berkos rendah seperti Thailand, Indonesia dan Filipina) dan pencapaian ekonomi yang lebih baik di kalangan negara-negara ASEAN. Pada tahun 2003, Malaysia mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh, iaitu sebanyak 29.6% ke China dan 26.7% ke Hong Kong. Perniagaan dan syarikat korporat yang besar telah mula mengkaji semula model perniagaan dengan lebih agresif dan bertindak menempatkan semula operasi perniagaan mereka. Peralihan struktur sedemikian didorong oleh corak permintaan yang baru serta kaedah baru dalam penyusunan semula pengeluaran dan ini telah membawa kepada peningkatan dalam pengkhususan dan saling melengkapi di rantau ini.

Rantau ASEAN sahaja menawarkan peluang pertumbuhan pasaran yang besar dengan penduduk sebanyak 500 juta orang. Di sini terdapat pelbagai peluang untuk institusi perbankan dalam negeri, peluang untuk menyokong peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur Malaysia yang sedang berusaha untuk menembusi pasaran luar dan peluang untuk mempelbagaikan usaha melangkaui sektor geografi dan rangkaian produk. Peranan institusi perbankan perlu diperluas melangkaui

peranan tradisi sebagai pembiaya kepada peranan sebagai pengurus hubungan kewangan. Setiap kali seseorang peminjam menceburi pasaran luar, peluang-peluang baru akan tercipta. Sebagai pengurus hubungan kewangan seumpama ini, institusi perbankan boleh menjadi sebahagian daripada proses ini dengan memupuk hubungan perbankan menjadi perkongsian strategik untuk jangka masa panjang dan juga menyediakan rangkaian produk kewangan yang bersesuaian.

Peluang-peluang sebegini juga boleh direalisasikan dengan mewujudkan perniagaan di pasaran baru. Ini juga boleh dilakukan dalam bentuk perkongsian atau pengambilalihan strategik institusi perbankan yang sedia ada dalam pasaran asing. Penggabungan atau pakatan dalam perkhidmatan dan produk boleh dicapai melalui penjenamaan bersama atau keluaran pelengkap, saluran penghantaran dan pemasaran atau pembangunan produk. Pakatan juga boleh dibentuk untuk mengambil kesempatan ke atas kepakaran dan pengkhususan yang boleh ditawarkan oleh rakan kongsi. Pakatan sedemikian juga boleh menghasilkan peningkatan inovasi dalam proses, struktur, model perniagaan dan akhirnya inovasi dalam produk dan perkhidmatan. Sesungguhnya, pakatan strategik ini semakin berkembang, melangkaui pelbagai industri dan segmen perniagaan. Kemampuan institusi perbankan untuk memenuhi permintaan dan harapan yang berbeza ini akan mempertingkatkan keupayaan mereka bersaing dalam pasaran tempatan dan luar negeri, seterusnya mampu mengambil peluang-peluang yang wujud daripada liberalisasi dan globalisasi.

VI. Sistem Perbankan Bertumpukan Pelanggan

Apabila landskap kewangan berkembang dan persaingan semakin hebat, institusi-institusi perbankan perlu memberikan respons terhadap keperluan pasaran yang semakin berubah, di samping terus menilai strategi dan alternatif keadaan pasaran yang berubah dengan pesat dan dinamik serta beralih daripada penawaran produk-produk perbankan tradisional. Para pengguna kini bertambah bijak memilih dan menuntut produk yang bersesuaian dengan kehendak mereka. Keputusan-keputusan strategik mengenai keperluan masa hadapan perlu dibuat bagi mengekalkan keupayaan untuk menawarkan dan memberikan cadangan yang mempunyai nilai unik kepada para pelanggan, dan pada masa yang sama berupaya menguruskan jangkaan para pelanggan secara efektif.

Satu bidang yang boleh diceburi oleh institusi perbankan adalah pembiayaan mikro. Perusahaan mikro merupakan aktiviti ekonomi yang penting bagi sebahagian besar segmen penduduk negara ini. Meskipun usaha-usaha perancangan yang melibatkan beberapa institusi sedang diambil untuk menambah akses pembiayaan bagi perusahaan mikro sedemikian, sektor perbankan yang mempunyai rangkaian cawangan yang luas akan menjadi saluran yang penting dalam pembiayaan mikro. Ini boleh diberi menerusi jendela pembiayaan mikro. Pengalaman global telah membuktikan operasi pembiayaan mikro sedemikian boleh berjaya dan memberi

keuntungan dengan adanya kualiti portfolio pinjaman yang baik.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti pencapaian sektor perkhidmatan kewangan, pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian di seluruh negara untuk menilai keperluan, jangkaan dan tahap kepuasan para pelanggan terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Sementara objektif utama kajian tersebut adalah untuk mewujudkan indeks tahap kualiti perkhidmatan pelanggan, hasil kajian mendapati isu sebenar dalam mempertingkatkan tahap pencapaian industri adalah melebihi daripada itu, iaitu ke arah pembentukan orientasi bertumpukan pelanggan yang lebih kukuh. Hasil kajian juga menunjukkan dengan jelas perbezaan antara kehendak dengan keperluan para pelanggan, di samping mengenal pasti bidang-bidang khusus yang cenderung membangkitkan isu-isu yang berorientasikan pelanggan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun tahap kepuasan para pelanggan adalah memuaskan, hubungan antara para pelanggan dengan institusi perbankan perlu dibaiki. Walaupun satu daripada tiga pelanggan berpuas hati dengan hubungan perbankan mereka, ini tidak semestinya mencerminkan kesetiaan.

Kajian tersebut juga mengenal pasti faktor-faktor yang diingini pelanggan berhubungan dengan perbankan mereka. Antara keperluan pelanggan yang utama adalah kualiti interaksi kakitangan institusi perbankan dengan para pelanggan dan saluran penyampaian yang berkesan dan cekap, terutamanya di cawangan-cawangan serta keupayaan untuk memberikan perkhidmatan yang efektif dalam pengurusan transaksi perbankan dan kecekapan memproses permohonan.

Keperluan-keperluan sekunder para pelanggan pula menunjukkan faktor-faktor yang berpotensi yang dapat digunakan untuk memperbaiki hubungan dengan para pelanggan secara keseluruhan. Ini termasuk inovasi produk yang bercirikan nilai ditambah dan perbankan elektronik termasuk perbankan internet. Keperluan sekunder ini akan menjadi pemacu utama dan merupakan elemen penting dalam hubungan perbankan.

Selain daripada itu, hasil kajian juga menunjukkan para individu muda serta individu berpendapatan sederhana, yang merupakan segmen pelanggan yang semakin berkembang, lebih cenderung untuk menggunakan mesin ATM dan saluran elektronik. Satu lagi segmen yang semakin berkembang ialah golongan berumur yang berada, iaitu yang berpendapatan sederhana dan lebih tinggi. Dengan saiz segmen ini yang semakin berkembang dan tahap pendapatan mereka yang lebih tinggi, golongan ini memerlukan rangkaian produk pelaburan inovatif yang lebih luas serta dapat menawarkan pulangan yang terjamin dan stabil, di samping memenuhi keperluan khidmat nasihat kewangan peribadi.

Oleh yang demikian, cabaran industri perbankan kini adalah memberikan respons secara proaktif terhadap keutamaan pelanggan berkenaan dan tidak hanya

bertindak apabila timbul ketidakpuasan pelanggan. Asas kepada pencapaian yang lebih bertumpukan pelanggan adalah dengan memastikan kakitangan, proses dan orientasi terselaras ke arah memenuhi jangkaan pelanggan dan memberi kepuasan kepada pengalaman pelanggan yang lebih baik. Yang penting adalah mempunyai tujuan yang jelas yang dihebahkan, dikongsi dan difahami oleh semua peringkat kakitangan, terutamanya kakitangan yang berurusan terus dengan pelanggan. Dengan mempunyai budaya yang dipupuk berasaskan satu tujuan yang sama, ia akan dapat memastikan prestasi perkhidmatan yang konsisten. Aspek seterusnya adalah perancangan proses operasi yang mengambil kira perspektif pelanggan bagi memastikan pelaksanaan transaksi yang mudah diakses, cepat dan tepat serta dapat memberikan respons kepada pelbagai aspek permintaan pelanggan. Bagi memudahkan pencapaian objektif ini, adalah mustahak bagi institusi perbankan untuk mengguna pakai teknologi yang relevan untuk menyokong proses perniagaan, mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko dan pada masa yang sama menyediakan akses pelanggan yang luas melalui rangkaian saluran penyampaian yang lebih luas. Semua ini perlu disokong dengan rangka kerja pengurusan sumber manusia yang efektif bagi memastikan adanya kepakaran terbaik dan kemahiran yang sesuai.

Dengan persaingan yang semakin meningkat, institusi perbankan harus berupaya memberi penyelesaian kewangan peribadi yang khusus dan mengikut kehendak pelanggan. Oleh itu, adalah penting bagi institusi perbankan memahami aspek segmentasi pelanggan yang dinamik, membina hubungan pelanggan dan melayani kehendak dan kecenderungan segmen yang spesifik. Untuk memahami segmen yang spesifik, institusi perbankan perlu mengetahui unsur-unsur yang kompleks seperti gelagat pelanggan, motivasi pelanggan dan peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan. Pertumbuhan yang berkekalan akan lebih bergantung kepada keupayaan untuk membentuk hubungan yang berkekalan dengan pelanggan dan hubungan yang mendatangkan hasil.

Pelaburan dalam produk yang baru untuk memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan yang kompleks adalah penting. Sama pentingnya ialah keperluan untuk membangunkan pelan atau strategi komunikasi yang efektif sebagai satu pakej untuk serahan produk. Produk yang terbaik tidak akan mempunyai peluang untuk berjaya tanpa strategi komunikasi yang terancang. Ini melangkaui aspek pemasaran dan pengiklanan. Ia juga meliputi aspek pendidikan kepada pelanggan untuk membiasakan diri kepada cara baru transaksi perbankan dan perubahan yang diperkenalkan serta cara menggunakan produk inovatif yang ditawarkan. Hasil kajian tersebut juga jelas menunjukkan kepentingan kualiti perhubungan antara pelanggan dengan institusi perbankan. Oleh yang demikian, pelbagai saluran perbankan perlu perekayasaan bagi mewujudkan persekitaran perbankan yang mengambil kira keseimbangan faktor fizikal dan bukan fizikal. Model cawangan yang baru telah wujud dengan memasukkan ciri persekitaran fizikal dan bukan fizikal (maya) bagi memenuhi

pelbagai keperluan lokasi dan segmen pasaran yang berbeza-beza.

VII. Kesimpulan

Sementara kemunculan trend baru dalam ekonomi dalam negeri dan global mempunyai implikasi yang besar ke atas landskap kewangan tempatan, setiap institusi perbankan harus berupaya untuk merumus strategi yang berbeza-beza untuk memberikan respons yang efektif bagi menangani trend ini secara strategik. Oleh yang demikian, keupayaan untuk menilai kemampuan dan kekuatan institusi masing-masing dengan tepat serta peluang-peluang dalam persekitaran yang berubah-ubah adalah kunci untuk memudahkan pengurusan strategik yang efektif di peringkat organisasi. Melalui proses ini, landskap kewangan dalam negeri dijangka berkembang kepada persekitaran perbankan yang bercirikan tiga bentuk institusi perbankan yang bakal muncul untuk memenuhi permintaan ekonomi pada masa depan.

a. Pertama, bank-bank Malaysia yang besar di seluruh negara, rantau dan di peringkat antarabangsa yang mampu bersaing dengan institusi kewangan global;

b. Kedua, institusi perbankan di seluruh negara yang mampu menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang luas; dan

c. Ketiga, institusi perbankan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu yang menawarkan produk dan perkhidmatan khusus yang mempunyai nilai ditambah untuk segmen pasaran yang spesifik.

Industri perkhidmatan kewangan telah berkembang dengan pesat sejak kebelakangan ini. Kemunculan trend baru telah membuka peluang-peluang baru dalam usaha membentuk sistem kewangan yang dinamik yang akan dapat memenuhi keperluan ekonomi negara. Dalam usaha mencapai prestasi yang terbaik dan bertaraf dunia kerjasama semua pihak adalah perlu dalam persekitaran yang dinamik dan semakin mencabar ini bagi mencapai matlamat yang sama.

Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
Industri Perkhidmatan Kewangan Islam dan Persekitaran Pengawalan Global
18 Mei 2004, London

"Pendekatan Terhadap Pengawalan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

Hasrat mengekalkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam bukan sahaja memerlukan satu rangka kerja pengawalan bahkan memerlukan pembentukan satu sistem pengantaraan yang pesat, kukuh, efisien dan kompetitif serta mampu menyumbang kepada proses pertumbuhan. Kewangan Islam sebagai satu komponen bersepadu dalam sistem kewangan antarabangsa muncul sebagai satu industri yang dinamik melangkaui sempadan domestik. Malahan, ketika landskap kewangan global mengalami perubahan, industri kewangan Islam telah menunjukkan keupayaannya beroperasi dalam suasana yang semakin mencabar dan berdaya saing. Cabaran yang dihadapi adalah untuk memaksimumkan potensi dan peluang yang terbuka luas yang ditawarkan oleh kewangan Islam. Setiap komponen kewangan Islam iaitu infrastruktur kewangan, institusi kewangan, rangka kerja perundangan, pengawalan dan pengawalseliaan serta infrastruktur Syariah masing-masing memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang progresif. Komponen yang mantap akan menyediakan asas yang membolehkan pertumbuhan dan pengembangan yang berterusan pada masa hadapan dapat direalisasikan.

Meskipun pengembangan pesat sistem kewangan Islam dicapai dalam suasana kewangan yang stabil, aspek pengawalan dan pengawalseliaan terus menjadi agenda utama. Suasana hari ini semakin mencabar dengan meningkatnya risiko yang memerlukan penilaian semula undang-undang kehematan dan pendekatan pengawalseliaan di kalangan para pengawalselia untuk membangunkan suatu rangka kerja pengawalan dan pengawalseliaan yang dinamik bagi mencapai kestabilan kewangan dalam kesemua sektor perkhidmatan kewangan. Dalam sektor kewangan Islam, isu-isu berkenaan harus diberikan tumpuan. Malahan, usaha yang dijalankan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) untuk merangka piawaian kehematan, pengawalan dan pengawalseliaan serta prinsip-prinsip asas yang memenuhi kehendak perundangan dan prinsip Shariah merupakan detik permulaan dalam aspek pengawalan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Perkara utama yang menjadi tumpuan adalah mengenai pendekatan pengawalan yang diterima pakai oleh institusi perbankan Islam dengan memberi pertimbangan dalam konteks kepelbagaian hubungan antara pelanggan dengan institusi perbankan sejajar dengan kontrak urus niaga kewangan Islam yang dimeterai. Pertimbangan ini perlu mengambil kira urus tadbir Syariah bagi memperkukuh usaha untuk mencapai kestabilan dan keutuhan sistem kewangan Islam. Beberapa aspek lain yang akan disentuh adalah cabaran dalam menggubal pendekatan pengawalan yang timbul daripada pelbagai peranan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam supaya sistem kewangan Islam beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional.

II. Falsafah, Matlamat dan Pengawalan

Dalam penggubalan dan pelaksanaan pengawalan kewangan institusi perbankan Islam, cabaran yang dihadapi adalah untuk merumuskan rangka kerja dengan mengambil kira ciri unik yang khusus perniagaan perbankan Islam, tetapi juga memastikan institusi kewangan Islam tidak mempunyai kekurangan berbanding yang boleh menjejaskan daya saing dan potensi pertumbuhan dalam sistem kewangan keseluruhannya. Keutamaan perlu diberi kepada usaha menyelaras keperluan pengawalan dengan keputusan Syariah. Kedua, ia perlu mengambil kira pelbagai peranan yang dimainkan oleh institusi perbankan Islam. Ketiga, pendekatan pengawalan yang diguna pakai perlu menggalakkan persaingan yang saksama, khususnya dalam sistem dwikewangan yang institusi perbankan Islamnya beroperasi selari dengan perbankan konvensionalnya, di samping bank-bank konvensional menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam melalui kaunter perbankan Islam.

Dalam kebanyakan bidang kuasa, sebahagian besar rangka kerja pengawalan institusi perbankan Islam mengguna pakai rangka kerja operasi perbankan konvensional yang diperkukuh mengikut kehendak Syariah. Namun begitu, teras rangka kerja perbankan konvensional yang berlandaskan hubungan penghutang dan pemiutang berasaskan faedah, telah dibangunkan untuk menilai dan mengurangkan risiko yang timbul daripada urus niaga pinjaman kewangan. Ini berbeza dari segi falsafah asas perbankan Islam yang melarang penglibatan faedah. Sebaliknya, asas tersebut membentuk keadaan urus niaga kewangan yang mempunyai ciri risikonya yang tersendiri. Oleh itu, risiko khusus berkaitan dengan aktiviti perbankan Islam perlu dikenal pasti untuk menjamin pengawalan berhemat ditangani sebaik-baiknya.

Dalam konteks risiko kepelbagaian sistem dan peserta inilah, kaedah pengawalan mengambil kira keperluan untuk memastikan keselarasan dan kesetaraan sesebuah sistem kewangan yang kompetitif dan teguh. Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat ini termasuklah elemen-elemen seperti tahap ketelusan dan penzahiran yang tinggi, sistem perundangan dan kehakiman yang kukuh dan diperkuatkan oleh urus tadbir Syariah yang mantap. Dalam aspek inilah, IFSB memainkan peranan penting membangunkan piawaian kehematan yang dapat menangani isu-isu

khusus perbankan Islam serta mengenal pasti jurang yang terdapat dalam pengawalan dan piawaian kehematan yang sedia ada. IFSB merupakan pemangkin penting yang akan menyumbang kepada tahap kemantapan institusi kewangan Islam dalam sistem kewangan global. Seterusnya, ia akan menguatkan lagi asas pembangunan landskap kewangan Islam yang global.

III. Kepelbagaian Hubungan Kontrak Institusi Perbankan Islam

Rangka kerja pengawalan yang teguh perlu mempunyai elemen-elemen penting seperti piawaian kecukupan modal, amalan pengurusan risiko yang efektif dan urus tadbir yang mantap. Dalam pembinaan sebuah rangka kerja kehematan yang teguh bagi perbankan Islam, penetapan keperluan modal kawalan terhadap risiko yang ada dalam portfolio aset perbankan Islam memerlukan kaedah pembahagian risiko.

Dari segi aset, institusi perbankan Islam mempunyai pelbagai kaedah pembiayaan yang meliputi ciri risiko yang berbeza-beza iaitu daripada kaedah pembiayaan jualan dan berasaskan sewa yang berisiko rendah sehinggalah kepada kaedah berasaskan ekuiti yang berisiko tinggi. Setiap kaedah pembiayaan ini mempunyai cirinya yang tersendiri serta didukung oleh prinsip Syariah dan seterusnya melibatkan profil risiko yang berbeza. Sebagai contoh, pembiayaan berasaskan ekuiti melibatkan risiko yang tinggi. Oleh itu, ia mengundang keperluan modal yang lebih tinggi. Dengan ini, cabaran untuk membina infrastruktur pengurusan risiko dalam institusi perbankan Islam bergantung kepada keperluan ketepatan penilaian varian risiko yang pelbagai terhadap kaedah-kaedah alternatif pembiayaan bagi penentuan dan pengurusan risiko yang efektif.

Di samping itu, struktur liabiliti bank Islam terbahagi kepada dua kategori deposit yang berbeza iaitu deposit permintaan yang tidak tertakluk kepada risiko perniagaan perbankan dengan modalnya dijamin, dan deposit pelaburan yang melibatkan risiko serta layak berkongsi keuntungan perniagaan perbankan tersebut. Berdasarkan struktur liabiliti institusi perbankan Islam, rangka kerja pengawalan bagi perbankan Islam perlu menitikberatkan perkara seperti penzahiran kewangan yang lengkap, pengurusan risiko yang berhemat dan kepatuhan prinsip Syariah. Ia akan bertindak sebagai pemisah untuk menghalang penyaluran risiko daripada deposit pelaburan kepada deposit permintaan. Seterusnya, ia akan meningkatkan lagi ketelusan, perlindungan pendeposit dan kestabilan sistem secara keseluruhan.

Rangka Kerja Kadar Pulangan

Cabaran yang lebih besar dalam pengawalseliaan adalah daripada struktur liabiliti institusi perbankan Islam dan penentuan kadar pulangan yang seragam kepada pemegang akaun. Tidak seperti perbankan konvensional yang pulangannya ditentukan awal-awal lagi, para pendeposit institusi perbankan Islam yang berkongsi keuntungan hanya mengetahui pulangan mereka pada masa deposit matang. Pulangan ini bergantung kepada pendapatan daripada aset yang dikongsi antara institusi perbankan Islam dengan para pendeposit. Sekiranya berlaku

kerugian, pihak pendeposit sebagai penyumbang modal akan menanggung kerugian tersebut. Memandangkan kebanyakan deposit perbankan Islam adalah dalam bentuk deposit perkongsian untung, ia meletakkan darjah risiko fidusiari yang tinggi ke atas pihak pengurusan bank bagi memastikan dana digunakan dengan cara yang paling efisien.

Justeru, badan pengawalan perlu merumuskan suatu rangka kerja kadar pulangan yang efektif bagi menyediakan kaedah yang seragam dalam pengiraan kadar pulangan kepada pendeposit. Penting juga bagi badan pengawalan memastikan kesaksamaan maklumat antara institusi perbankan Islam dengan pendeposit dan meningkatkan darjah ketelusan serta memastikan pendeposit menerima pulangan yang setimpal dengan pelaburan mereka. Dalam konteks pengawalan, rangka kerja ini menyediakan suatu tata cara penilaian kecekapan serta keuntungan, pengurusan berhemat dan kesaksamaan institusi perbankan Islam.

Dalam hal ini, Malaysia telah memperkenalkan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK) dalam Rangka Kerja Kadar Pulangan. Bagi menjana kadar pulangan yang kompetitif dan stabil, RPK bertindak sebagai suatu mekanisme bagi mengurangkan turun naik kadar pulangan yang disebabkan oleh aliran pendapatan, peruntukan dan jumlah deposit. Rizab ini diperuntukkan daripada jumlah pendapatan kasar dan dikongsi bersama oleh pendeposit dan institusi perbankan. Dalam suasana dwiperbankan, keupayaan memaksimumkan pulangan ke atas pelaburan yang diselaraskan risikonya dan mengekalkan pulangan yang stabil dan kompetitif merupakan elemen penting bagi membangunkan sistem perbankan Islam yang kompetitif.

IV. Pendekatan pengawalan dalam sistem dwiperbankan

Dalam suasana dwiperbankan yang institusi perbankan Islamnya beroperasi seiring dengan institusi perbankan konvensional, mengekalkan keharmonian infrastruktur pengawalan adalah satu perkara penting, iaitu menyediakan landasan operasi yang setara antara industri perbankan Islam dengan konvensional. Cabarannya berkisar kepada pembangunan rangka kerja pengawalan, perundangan dan struktur percukaian yang mantap dan tidak memberi kelebihan kepada mana-mana pemain. Selain itu, penting juga dipastikan bahawa tiada peluang untuk arbitraj pengawalan dalam amalan perbankan yang memberi kelebihan kepada suatu sistem berbanding sistem yang lain dari segi penentuan harga produk. Pengalaman Malaysia menerusi model dwiperbankannya adalah berbeza kerana institusi perbankan konvensional boleh menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Di Malaysia, sistem kewangan Islam beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional. Perkembangan sistem kewangan Islam dari aspek penguasaan bahagian pasaran dan kemampuannya menangani perkembangan negatif membuktikan bahawa sistem ini kekal berdaya saing dan berdaya tahan. Krisis mata wang

Asia 1997-1998 jelas menunjukkan ketahanan sistem kewangan Islam bagi menghadapi keterjejasan pasaran kewangan. Institusi kewangan Islam tertakluk kepada rangka kerja pengawalseliaan perbankan sebagaimana yang dikenakan ke atas institusi perbankan konvensional serta penyeliaan oleh Bank Pusat, di samping tertakluk kepada beberapa pematuhan tambahan, termasuk pematuhan tahap minimum dana perbankan Islam serta pengasingan buku perakaunan bagi operasi perbankan Islam. Langkah-langkah juga diambil ke arah penzahiran operasi perbankan Islam secara benar dan adil dalam bentuk Nota Kepada Akaun yang menyenaraikan Kunci Kira-kira dan Penyata Untung Rugi operasi perbankan Islam sebagai sebahagian daripada penyata kewangan utama institusi perbankan konvensional. Langkah-langkah tersebut bertujuan menzahirkan risiko dan ciri unik perbankan dan kewangan Islam berbanding perbankan konvensional. Bagi memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah dalam operasi perbankan Islam secara "jendela", beberapa *firewalls* turut diwujudkan.

Walaupun pengawalan dan piawaian dapat mengurangkan risiko dalam operasi perbankan Islam, pengawasan oleh pihak pengawalselia menerusi penyeliaan yang berkesan adalah amat penting bagi memastikan institusi perbankan Islam mematuhi keperluan kehematan. Faktor-faktor seperti kurangnya pengawasan, ketakcukupan sekatan dan imbangan, serta pendedahan terhadap risiko secara berlebihan juga boleh membawa kepada keterjejasan sistem kewangan Islam. Suatu sistem amaran awal perlu wujud kerana pengawalan terbaik dan jaringan keselamatan kewangan semata-mata tidak mencukupi untuk mencegah berlakunya keterjejasan sesebuah sistem kewangan. Di samping itu, kefahaman dan penghargaan terhadap perniagaan dan operasi perbankan Islam itu sendiri perlu wujud bagi memastikan tugas-tugas penyeliaan dapat dijalankan dengan berkesan. Dengan itu, para penyelia haruslah memiliki pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya untuk membolehkan mereka mengenal pasti risiko yang mendasari urus niaga perbankan Islam bagi menjalankan pengawalseliaan industri perbankan Islam.

V. Meningkatkan rangka kerja Syariah dan urus tadbir

Satu ciri penting yang membezakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional adalah keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa penasihat Syariah di institusi perbankan Islam. Penubuhan jawatankuasa penasihat Syariah ini adalah mustahak dalam usaha menyediakan sekatan dan imbangan bagi memastikan pengurusan dan operasi institusi perbankan Islam tidak menyeleweng daripada prinsip Syariah apabila dasarnya digubal. Asas penting dalam proses ini adalah untuk mencapai matlamat "kesatuan dalam kepelbagaian" dari segi penterjemahan hukum-hukum Syariah dalam bidang kewangan. Bagi tujuan ini, IFSB memainkan peranan penting untuk memperkukuh inisiatif masa kini bagi mencapai tahap penyatuan dan pengharmonian yang lebih tinggi.

Pematuhan yang jitu terhadap Syariah juga boleh diperkukuh menerusi penerbitan garis panduan dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan Islam. Oleh itu, prosedur membuat keputusan oleh jawatankuasa penasihat Syariah di institusi perbankan Islam perlu jelas dan telus. Justeru, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut perlu mencerminkan kebertanggungjawaban pihak pengurusan dan masyarakat awam. Malah, kedudukan jawatankuasa ini adalah setaraf dengan juruaudit sesebuah institusi perbankan Islam. Oleh yang demikian, laporan kewangan institusi perbankan Islam perlu mengemukakan pendedahan yang bersesuaian dalam laporan mengenai pematuhan operasinya terhadap prinsip Syariah. Ini menggalakkan kewujudan satu asas yang boleh membina keyakinan dan jaminan di kalangan masyarakat awam bahawa produk kewangan Islam adalah menurut landasan Syariah.

Bagi memantapkan rangka kerja Syariah di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Pusat bertindak sebagai pihak berkuasa dalam bidang Syariah berhubung perbankan dan kewangan Islam. Sebagai badan tertinggi, pihak majlis bertindak untuk menyeragamkan keputusan Syariah mengenai isu-isu yang mempunyai persamaan bagi memelihara integriti dan keyakinan di kalangan institusi kewangan, pihak pelabur dan pengguna. Bagi mengukuhkan rangka kerja Syariah dan perundangan, badan Kehakiman Malaysia telah menubuhkan sebuah Mahkamah Tinggi khusus untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan perbankan Islam dan Takaful setara dengan perundangan sivil di Malaysia. Sebarang pertikaian yang menjurus ke arah isu-isu berkaitan Syariah, sama ada di dalam atau di luar sistem mahkamah, perlu dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah untuk mendapatkan panduan dan penjelasan. Sebagai pilihan alternatif, sebarang pertikaian boleh juga dirujuk ke pusat timbang tara untuk penyelesaian. Sehubungan itu, Malaysia akan mengukuhkan Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur sebagai pusat perkhidmatan yang akan mengendalikan kes-kes pertikaian berkaitan perbankan dan kewangan Islam, dan akan menawarkan perkhidmatan tersebut ke peringkat antarabangsa.

VI. Kesimpulan

Cabaran membangunkan piawaian pengawalseliaan yang menepati prinsip asas Islam adalah merupakan elemen penting dalam pembangunan dan perkembangan industri perkhidmatan kewangan Islam. Pembangunan sesebuah sistem kewangan Islam yang mampu menyumbang kepada kestabilan dan keseimbangan pertumbuhan sejagat perlu dicapai dalam konteks regim perundangan, pengawalseliaan dan penyeliaan yang kukuh dan mapan. Ia diperkukuhkan oleh penyeliaan yang berkesan, rangka kerja Syariah yang mantap dan sistem kehakiman yang efisien bagi memupuk keyakinan dan kemantapan dalam sistem kewangan Islam. Matlamat ini dapat dicapai melalui gabungan komitmen dan usaha bersepadu pihak pengawal selia, industri dan peserta pasaran.

Persidangan Euromoney
3 Ogos 2004, Kuala Lumpur

"Pembinaan Semula Malaysia: Melabur Dalam Malaysia Baru"

Kata-kata Aluan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Persidangan ini berlangsung dalam suasana ekonomi global dan dalam negeri yang semakin kukuh. Persoalan utama yang bermain dalam fikiran para pelabur adalah tentang kemapanan trend ini. Minat mereka juga tertumpu pada strategi dasar yang sedang dilaksanakan oleh Malaysia dan bagaimana negara ini memperkukuh kedudukannya bagi menghadapi persekitaran yang lebih kompetitif. Persidangan ini turut mempertemukan para penggubal dasar utama, pelabur, pengurus dana serta pegawai-pegawai kerajaan dan korporat untuk membincangkan isu ini.

Selepas mencapai kejayaan dalam pembangunan ekonomi lebih daripada tiga dekad, Malaysia mengambil peluang mengatur strategi bagi memastikan prestasi pertumbuhan yang kukuh dapat dipertahankan. Dalam pembinaan semula Malaysia, strategi yang digunakan adalah dengan memberi tumpuan kepada keupayaan sebenar serta membina kekuatan di bidang yang dimiliki bagi menjamin kelebihan daya saing negara.

Izinkan saya menyentuh dengan serba ringkas mengenai perkembangan ekonomi semasa:

- Semenjak tahun 2001, Malaysia telah mengalami pemulihan ekonomi yang memberangsangkan dan semakin mantap dengan prestasi pertumbuhan bertambah kukuh dengan ketara pada separuh pertama tahun ini. Ini meningkatkan potensi pertumbuhan pada keseluruhan tahun yang dijangka mengatasi anggaran sebelum ini.

- Prestasi yang menggalakkan ini diiringi oleh perseimbangan semula tumpuan antara sumber pertumbuhan luar dengan dalam negeri. Dalam sektor luar negeri, wujud keseimbangan yang lebih ketara antara pasaran tradisional dengan pasaran baru dan antara sektor barangan dengan perkhidmatan.

- Dalam sektor dalam negeri, wujud keseimbangan yang ketara antara sektor ekonomi. Strategi untuk mewujudkan struktur ekonomi yang lebih pelbagai dan pasaran yang lebih luas adalah bertujuan mengurangkan keterdedahan ekonomi ekoran peralihan permintaan global dalam sebarang sektor tertentu atau mana-mana rantau tertentu.

- Asas-asas positif seperti inflasi yang rendah, imbangan perdagangan yang

kukuh, hutang yang rendah dan keadaan pekerjaan yang stabil telah memberi kefleksibelan dasar bagi menyokong pertumbuhan dalam tempoh tersebut.

Melangkah ke hadapan, proses perseimbangan ekonomi untuk meningkatkan daya saing ekonomi dijangka semakin pesat dan meluas.

- Perseimbangan antara peranan kerajaan dengan swasta dalam ekonomi akan menjadi bertambah luas dengan aktiviti sektor awam tertumpu pada penyediaan persekitaran yang membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih mantap dalam ekonomi.

- Walaupun perbadanan tempatan dan syarikat multinasional besar akan terus memainkan peranan yang penting dalam ekonomi, peranan perusahaan yang berskala kecil dan sederhana akan menjadi semakin penting.

- Tumpuan yang lebih besar akan diberikan untuk mempertahan daya saing dalam bentuk yang lebih komprehensif dari segi dimensi lain seperti produktiviti dan kecekapan, kualiti pekerja, logistik, penyelidikan dan pembangunan, sistem penghantaran dan rantaian penawaran.

Malaysia juga akan terus mengambill kesempatan dengan sebaik-baiknya daripada risiko negara yang rendah dari segi kestabilan politik, kematangan industri dan penawaran tenaga kerja mahir.

Bagi meningkatkan sumber pertumbuhan dalaman, tumpuan yang lebih besar diberi pada aspek meningkatkan pelaburan swasta yang lebih besar termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Infrastruktur kewangan dan struktur insentif akan terus ditingkatkan bagi menggalakkan pelaburan dalam subsektor baru terutamanya sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan.

Dalam sektor luar negeri, walaupun terdapat penyelarasan pertumbuhan antara ekonomi utama, terdapat juga beberapa perseimbangan semula kekuatan pertumbuhan yang relatif di kalangan negara-negara tersebut. Peningkatan dalam pengembangan perdagangan dunia dan pengukuhan keadaan pasaran pekerja di kebanyakan negara ini memperlihatkan pertumbuhan yang mapan dan berterusan. Sementara itu, rantau Asia menunjukkan prestasi pertumbuhan yang kukuh ketika perdagangan antara serantau bertambah mantap. Ia akan saling memperkukuh bagi rantau ini dalam pengembangan pasaran domestik serantau secara kumulatif dan seterusnya menyumbang kepada keseluruhan prospek pertumbuhan di rantau ini.

Walaupun pertumbuhan kekal kukuh, masih terdapat risiko yang perlu dihadapi. Walau bagaimanapun, tindakan menaikkan kadar faedah baru-baru ini bertujuan menyelaraskan pengembangan ekonomi bagi menjurus ke paras yang lebih mapan. Dasar di kebanyakan negara utama kini beralih daripada langkah menangani keadaan deflasi kepada kedudukan yang

lebih neutral dengan tujuan menghapuskan kecenderungan inflasi. Ini bertentangan dengan pendirian antiinflasi yang memerlukan dasar kewangan ketat yang agresif.

Dalam sektor dalam negeri, ekonomi Malaysia terus meningkatkan integrasinya dengan ekonomi dunia yang mengakibatkan perkembangan ekonomi dan kewangan rakan dagangan utama memberi kesan ke atas ekonomi negara. Pengukuhan struktur ekonomi, sistem kewangan dan asas makroekonomi terutamanya semenjak krisis Asia pada tahun 1997-1998 telah meningkatkan tahap toleransi negara menyerap volatiliti, meningkatkan daya tahan kepada kejutan, meningkatkan ketangkasan penyelarasan kepada perubahan dan meningkatkan kefleksibelan dasar bagi mengurangkan sebarang kesan buruk perkembangan luar negeri ke atas ekonomi dalam negeri.

Pada masa hadapan, pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan akan terus mengekalkan pertumbuhan. Prospek perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi adalah juga positif. Dengan kadar tabungan masih tinggi kira-kira 30% daripada KNK dan pendapatan yang semakin meningkat, Malaysia berpotensi meningkatkan tahap penggunaan yang lebih tinggi tanpa menjejaskan potensi pembiayaan pelaburan swasta melalui sumber dalam negeri. Penggunaan yang lebih tinggi juga tidak mewujudkan risiko peningkatan hutang isi rumah yang kekal pada paras yang berhemat, iaitu kurang daripada 60% daripada KDNK.

Perbelanjaan modal terus meningkat momentum dalam aktiviti yang berorientasikan dalam negeri dan eksport. Syarikat tempatan juga mengadakan pakatan strategik sebagai sebahagian daripada strategi untuk berkembang ke pasaran eksport baru serta memanfaatkan kelebihan teknologi baru. Pengembangan kapasiti yang berterusan dan suasana perniagaan yang lebih kompetitif akan mengekalkan inflasi pada tahap yang rendah, seterusnya kadar faedah dalam negeri akan terus kekal rendah untuk masa hadapan. Pertalian perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan Asia, terutamanya dengan negara-negara besar di rantau tersebut juga dijangka terus kukuh.

Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) juga terus kukuh. Di samping aliran masuk sektor perkilangan dan minyak dan gas yang berterusan, aliran ini menjadi lebih menyeluruh dengan bahagian aliran masuk baru yang lebih besar beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan. Perubahan struktur aliran FDI ini mencerminkan peluang yang berubah-ubah yang diberikan oleh Malaysia dengan sektor perkhidmatan kini menjadi semakin penting sebagai enjin pertumbuhan. Aliran masuk baru ini juga berkecenderungan mempunyai kandungan import yang rendah dan nilai ditambah yang lebih tinggi. FDI dalam sektor perkhidmatan juga semakin menyeluruh. Beberapa pusat pemprosesan perniagaan global dan serantau di samping kemudahan serantau lain telah ditubuhkan termasuk OHQ, pejabat serantau, pusat pemerolehan antarabangsa dan pusat pengagihan serantau.

Bank Pusat telah melaksanakan liberalisasi yang progresif ke atas peraturan dan pengawalan dalam negeri untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan sebagai sebahagian daripada komitmen dasar Kerajaan untuk meningkatkan sistem penghantaran dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Bidang yang menjadi tumpuan adalah peraturan dalam pentadbiran urus niaga pertukaran asing. Antara langkah yang diambil baru-baru ini untuk mengurangkan kos mengurus risiko berkait dengan urus niaga tersebut termasuklah liberalisasi terhadap peraturan akaun mata wang asing, *swap* kadar faedah dan perlindungan nilai. Bagi memperluas dan mendalamkan pasaran modal, agensi multilateral dan syarikat multinasional kini dibenarkan menerbitkan bon di Malaysia. Pada masa hadapan, Malaysia akan terus melaksanakan liberalisasi di samping menseimbangkan keperluan, memberi kefleksibelan dan pilihan kepada perniagaan dengan objektif makroekonomi untuk memastikan kestabilan dalam pasaran kewangan. Keperluan memastikan kestabilan jangka panjang bagi memudahkan perancangan dan membuat keputusan pelaburan adalah bahagian penting untuk mengekalkan kedudukan daya saing.

Dalam pembangunan sektor kewangan negara, sektor perbankan terus menjadi tunjang sistem kewangan dan sekarang ini ia berada pada kedudukan yang paling kukuh dengan paras permodalan yang tinggi, kualiti aset yang meningkat dan keuntungan yang bertambah kukuh. Inisiatif dasar untuk memperkukuh sistem kewangan termasuk dalam bidang rangka kerja pengawalan dan penyawalseliaan, pengurusan risiko, urus tadbir korporat dan amalan terbaik dalam ketelusan dan pendedahan yang menyumbang kepada pengukuhan sistem. Ini dilengkapi dengan inisiatif untuk memajukan pasaran bon dan ekuiti. Hasilnya, infrastuktur kewangan menjadi lebih pelbagai.

Bidang lain yang menjadi keutamaan adalah pembangunan sistem kewangan Islam sebagai komponen sistem kewangan yang berdaya maju. Dengan pengalaman melebihi dua dekad dalam pembangunan kewangan Islam, pada hari ini Malaysia mempunyai sistem kewangan Islam yang komprehensif dengan kesemua komponen teras perbankan, takaful dan pasaran wang dan modal, serta disokong oleh satu rangka kerja undang-undang dan penyawalseliaan yang mantap. Aset yang dikumpul oleh sektor perbankan Islam meningkat dengan ketara untuk mencakupi kira-kira 10% daripada jumlah aset sistem perbankan. Dalam pasaran modal Islam, bon Islam terkumpul berjumlah kira-kira 45% daripada jumlah bon terkumpul.

Sejajar dengan perkembangan dan kekukuhan sistem kewangan Islam, Malaysia secara beransur-ansur menuju ke arah persekitaran yang lebih liberal. Dalam pengawalseliaan institusi perbankan, keseimbangan akan diwujudkan antara menggalakkan persaingan dengan inovasi serta mengekalkan kehematan dengan kestabilan. Pengawalan akan terus disemak semula bagi menyediakan kefleksibelan beroperasi yang lebih luas kepada institusi perbankan tanpa menjejaskan objektif kawalan berhemat. Pengenalan rangka

kerja kadar faedah baru mencerminkan usaha meningkatkan penetapan harga yang lebih efisien dalam sistem perbankan. Dengan kemajuan dicapai dalam peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi dalam negeri, sektor kewangan akan terus menjadi liberal secara beransur-ansur. Melangkah ke hadapan, penyahkawalseliaan selanjutnya akan dilaksanakan bagi memudahkan dan meliberalisasi pengawalan dan peraturan pentadbiran perniagaan. Bagi memastikan kestabilan apabila pengawalan dilonggarkan, penggunaan teknologi dengan strategik bagi membaiki sistem pemantauan data telah meningkatkan keupayaan memantau perkembangan dan menilai sebarang risiko yang muncul dalam sistem.

Ketika asas ekonomi negara kukuh dan potensi pengembangan ekonomi yang semakin meningkat, Malaysia mempunyai fleksibiliti untuk memperkenalkan langkah-langkah yang bukan hanya bertujuan menyokong pertumbuhan tetapi juga meningkatkan kualiti pertumbuhan tersebut bagi menghasilkan kekukuhan jangka panjang. Ini termasuk pelaburan yang besar dalam pendidikan di samping memberi keutamaan dalam pencapaian kestabilan sosioekonomi. Secara keseluruhan, pendekatan yang seimbang dan holistik terhadap pengurusan ekonomi adalah bertujuan memastikan asas pertumbuhan yang kukuh dan kedudukannya yang berdaya saing dalam ekonomi global.

Kalendar Peristiwa
April - Jun 2004

15 April 2004
Gabenor menyampaikan ucaptama di Seminar Pengurusan Risiko Perjanjian Modal Baru Basel II. Beliau berkata Malaysia akan menggunakan empat prinsip utama dengan pendekatan dua peringkat dalam pelaksanaan Basel II bagi bank-bank di Malaysia, mulai Januari 2008. Prinsip-prinsip tersebut ialah: keperluan kepada menggalakkan usaha meningkatkan kapasiti; rangka masa yang lebih fleksibel; tumpuan kepada justifikasi perniagaan yang kukuh; dan kaedah pengawalseliaan yang dipertingkatkan.

21 April 2004
Bank mengeluarkan Laporan Tahunan Insurans dan Takaful 2003, yang memberikan analisis prestasi dan perkembangan industri insurans dan takaful pada tahun 2003.

23 April 2004
Bank memperkenalkan Rangka Kerja Faedah Baru bagi meningkatkan keberkesanan dasar monetari. Rangka kerja baru tersebut dibentuk bagi memudahkan penghantaran perubahan dalam kadar dasar semalaman (OPR) kepada kadar pasaran yang lain, dan akhirnya kepada objektif makro ekonomi. Rangka kerja baru tersebut juga akan menggalakkan penentuan harga yang lebih efisien oleh institusi perbankan.

14 Mei 2004
Gabenor menyampaikan ucaptama di Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia 2004, di mana beliau menggambarkan kemunculan tiga jenis institusi perbankan yang akan memenuhi permintaan ekonomi di masa hadapan, iaitu:

- Bank tempatan yang besar dengan rangkaian di seluruh negara, rantau dan dunia yang mampu bersaing dengan institusi kewangan global;

- Institusi perbankan dengan rangkaian di seluruh negara yang berupaya menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang menyeluruh; dan

- Institusi yang mengkhususi pasaran istimewa yang memberikan produk dan perkhidmatan bernilai tambah untuk segmen pasaran yang tertentu.

17 Mei 2004
Y.A.B. Menteri Kewangan mengumumkan pelantikan Datuk Zamani Abdul Ghani sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia yang baru menggantikan Dato' Mohd. Salleh Harun yang telah bersara.

21 Mei 2004

Bank mengumumkan terbitan ketiga Bon Simpanan Merdeka berjumlah RM500 juta yang diterbitkan pada 1 Julai 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan kepada warga emas, anggota Angkatan Tentera Malaysia yang dalam persaraan, dan rakyat Malaysia yang telah bersara atas sebab kesihatan. Memandangkan permintaan yang menggalakkan daripada para pelabur, proses pengagihan telah diubah bagi meningkatkan peluang kepada seramai pelabur yang mungkin.

26 Mei 2004

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang amat menggalakkan sebanyak 7.6% pada suku pertama tahun 2004, yang tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000. Pertumbuhan tersebut adalah menyeluruh, dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan menjadi penyumbang utama. Sektor perkilangan telah berkembang sebanyak 12.5%, menyumbangkan 3.8 mata peratusan kepada KDNK.

Pernyataan Dasar Monetari pula memaklumkan asas ekonomi yang kukuh akan terus memberikan fleksibiliti kepada dasar monetari bagi menyokong peningkatan aktiviti ekonomi, tanpa menghasilkan tekanan inflasi. Kadar faedah boleh terus dikekalkan rendah bagi menyokong momentum pertumbuhan. Oleh itu, kadar dasar semalaman tetap tidak berubah pada 2.70%.

27 Mei 2004

Bank mengumumkan kelulusan bagi permohonan Kuwait Finance House untuk menubuhkan bank Islam sepenuhnya di Malaysia. Ini adalah susulan kepada pengumuman untuk mengeluarkan sehingga tiga lesen perbankan Islam baru kepada peserta perbankan Islam asing yang layak, sebagai satu daripada usaha mempercepatkan proses liberalisasi industri perbankan Islam.

18 Jun 2004

Bank menandatangani Perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) dengan Bank Mandiri, Indonesia, bagi meningkatkan perdagangan dua hala dan hubungan perbankan koresponden antara Malaysia dan Indonesia. Di bawah Perjanjian tersebut, baki bersih dagangan antara kedua-dua negara akan dijelaskan dalam mata wang yang dipersetujui pada akhir tempoh tertentu.